



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

e-ISSN 2735-0592



# SOROTAN PASARAN BURUH

---

# ST2

SUKU TAHUN  
KEDUA  
2022

---



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# SOROTAN PASARAN BURUH

## SUKU TAHUN KEDUA 2022

### Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the world with data we can trust"*.

**Diterbitkan dan dicetak oleh:**

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

|                                |                                                                                                                                                                       |
|--------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tel.                           | : 03-8885 7000                                                                                                                                                        |
| Faks                           | : 03-8888 9248                                                                                                                                                        |
| Portal                         | : <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>                                                                                                       |
| Facebook / Twitter / Instagram | : StatsMalaysia                                                                                                                                                       |
| Emel                           | : <a href="mailto:info@dosm.gov.my">info@dosm.gov.my</a> (pertanyaan umum)<br>: <a href="mailto:data@dosm.gov.my">data@dosm.gov.my</a> (pertanyaan & permintaan data) |

Diterbitkan pada 19 Ogos 2022

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.”

**eISSN 2735 – 0592**

# KATA PENGANTAR

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun kedua 2022 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi tiga dimesi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan dan produktiviti buruh. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan tiga dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**  
Ketua Perangkawan Malaysia

Ogos 2022

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# KANDUNGAN

|                |     |
|----------------|-----|
| KATA PENGANTAR | i   |
| KANDUNGAN      | iii |
| GLOSARI        | iv  |
| AKRONIM        | vi  |
| INFOGRAFIK     | vii |

|                      |          |
|----------------------|----------|
| <b>SOROTAN UTAMA</b> | <b>1</b> |
|----------------------|----------|

|                    |          |
|--------------------|----------|
| <b>PENDAHULUAN</b> | <b>3</b> |
|--------------------|----------|

Pasaran buruh Malaysia terus bertambah baik pada suku kedua 2022 didorong oleh fasa peralihan ke endemik

|                        |          |
|------------------------|----------|
| <b>PENAWARAN BURUH</b> | <b>6</b> |
|------------------------|----------|

|                         |           |
|-------------------------|-----------|
| <b>PERMINTAAN BURUH</b> | <b>27</b> |
|-------------------------|-----------|

|                           |           |
|---------------------------|-----------|
| <b>PRODUKTIVITI BURUH</b> | <b>36</b> |
|---------------------------|-----------|

|                          |           |
|--------------------------|-----------|
| <b>MENUJU KE HADAPAN</b> | <b>42</b> |
|--------------------------|-----------|

Luar tenaga buruh: Mewujudkan peluang ke pasaran buruh

|                   |           |
|-------------------|-----------|
| <b>KESIMPULAN</b> | <b>44</b> |
|-------------------|-----------|

|                |           |
|----------------|-----------|
| <b>RENCANA</b> | <b>45</b> |
|----------------|-----------|

Sektor Pembinaan: Penilaian dalam Situasi Pasaran Buruh

## JADUAL STATISTIK

|                                                |               |
|------------------------------------------------|---------------|
| Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2019 - ST2 2022 | <b>A1-A10</b> |
|------------------------------------------------|---------------|

|                                                 |              |
|-------------------------------------------------|--------------|
| Permintaan Buruh, Malaysia, ST3 2019 - ST2 2022 | <b>B1-B8</b> |
|-------------------------------------------------|--------------|

|                                                   |              |
|---------------------------------------------------|--------------|
| Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2019 - ST2 2022 | <b>C1-C8</b> |
|---------------------------------------------------|--------------|

## GLOSARI

---

|                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|---------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Aktiviti ekonomi                            | : Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Bekerja                                     | : Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula. |
| Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran | : Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran | : Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| Jawatan                                     | : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Jawatan diisi                               | : Pekerja bergaji (sepanjang masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| Jumlah jam bekerja                          | : Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| Kadar pengangguran                          | : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Kategori kemahiran                          | : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekatu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.                                                           |
| Kadar penyertaan tenaga buruh               | : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

## GLOSARI

---

|                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kekosongan                         | : Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.                            |
| Luar tenaga buruh                  | : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.                                                                               |
| Menganggur                         | : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.                                                                                                                   |
| Nilai ditambah                     | : Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima. |
| Nisbah guna tenaga kepada penduduk | : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.                                                                                                                                                                                                    |
| Pencapaian pendidikan              | : Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.                                                                                                                                |
| Pewujudan jawatan                  | : Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.                    |
| Produktiviti buruh                 | : Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.                                                                                  |
| Taraf pekerjaan                    | : Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan International Classification of Status in Employment (ICSE-93).                                                                                                |
| Tenaga buruh                       | : Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.                                                                                                                                                           |
| Umur bekerja                       | : Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.                                                                                                                                                                                                       |

## AKRONIM

---

|       |                                                   |
|-------|---------------------------------------------------|
| CIDB  | : Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia |
| DOSM  | : Jabatan Perangkaan Malaysia                     |
| ILO   | : International Labour Organisation               |
| KDNK  | : Keluaran Dalam Negeri Kasar                     |
| KPTB  | : Kadar Penyertaan Tenaga Buruh                   |
| MASCO | : Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia          |
| MSIC  | : Piawaian Pengelasan Industri Malaysia           |
| RM    | : Ringgit Malaysia                                |
| RMK   | : Rancangan Malaysia                              |
| SOP   | : Prosedur Operasi Standard                       |
| ST    | : Suku Tahun                                      |
| STB   | : Survei Tenaga Buruh                             |


## SOROTAN PASARAN BURUH SUKU KEDUA 2022

### Pasaran buruh Malaysia bertambah baik, didorong oleh fasa peralihan ke endemik

Bilangan jawatan yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan guna tenaga dan pengurangan pengangguran


**Tenaga buruh** meningkat sebanyak 371 ribu manakala **KPTB** naik 0.9 mata peratus berbanding ST2 2021

**Luar tenaga buruh** turun sebanyak 166 ribu dari ST2 2021




Nota: KPTB = Kadar penyertaan tenaga buruh

**Penduduk bekerja** naik sebanyak 3.2 peratus berbanding tahun lepas



**Kadar pengangguran** jatuh 0.9 mata peratus tahun ke tahun, manakala penganggur berkurang sebanyak 123 ribu orang




**Jumlah jam bekerja** meningkat sebanyak 7.5 peratus berbanding ST2 2021



**Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa** terus menurun pada ST2 2022




**Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** terus berkurang, merangkumi lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar




**Jawatan dalam sektor ekonomi** naik sebanyak 3.2 peratus berbanding ST2 2021



**Jawatan diisi** meningkat 3.1 peratus



**Kekosongan** naik sebanyak 7.5 peratus




**Pewujudan jawatan** meningkat sebanyak 13.23 ribu dari suku sama tahun sebelumnya




### Produktiviti buruh per jam bekerja

Nilai ditambah per jam bekerja naik 1.3 peratus pada ST2 2022



### Produktiviti buruh per pekerja

Nilai ditambah per pekerja merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.5 peratus



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## SOROTAN UTAMA: ST2 2022

- Pasaran buruh Malaysia terus bertambah baik pada ST2 2022 didorong oleh fasa peralihan ke endemik. Peningkatan permintaan buruh menyumbang kepada pertambahan guna tenaga dan pengurangan pengangguran.
- Pada ST2 2022, tenaga buruh mencatatkan momentum positif yang berterusan dengan peningkatan sebanyak 2.3 peratus tahun ke tahun kepada 16.34 juta orang. Justeru, KPTB naik 0.9 mata peratus kepada 69.2 peratus, merekodkan KPTB yang lebih tinggi berbanding 69.1 peratus sebelum pandemik (ST4 2019). Bilangan penduduk bekerja naik sebanyak 3.2 peratus mencatatkan 15.70 juta orang manakala nisbah guna tenaga kepada penduduk terus meningkat kepada 66.5 peratus. Sementara itu, bilangan penganggur berkurang sebanyak 122.9 ribu kepada 642.0 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran 3.9 peratus iaitu kadar terendah direkodkan sejak pandemik.
- Dengan negara memasuki fasa peralihan ke endemik, perniagaan telah kembali beroperasi sepenuhnya pada ST2 2022 mengikut jam bekerja biasa sebelum pandemik. Keadaan ini dapat dilihat dalam pasaran buruh apabila bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu merekodkan paras terendah baharu sejak krisis kesihatan awam pada 2020 selepas menurun 31.6 peratus dari ST2 2021 kepada 324.5 ribu orang. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun 0.8 mata peratus kepada 1.4 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merangkumi lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja berpendidikan tertiar jatuh 1.0 mata peratus kepada 36.7 peratus pada ST2 2022.
- Dari segi permintaan buruh dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan terus meningkat dengan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun 3.2 peratus merekodkan sejumlah 8.62 juta jawatan. Jawatan diisi yang merangkumi 97.8 peratus, meningkat sebanyak 3.1 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya untuk merekodkan 8.43 juta. Sementara itu, peluang pekerjaan dalam ekonomi yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 7.5 peratus kepada 191.3 ribu kekosongan pada tempoh yang sama.
- Dengan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh 8.9 peratus pada ST2 2022 dan guna tenaga terus menunjukkan pertumbuhan positif, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan 5.5 peratus merekodkan nilai RM23,322 per pekerja. Dalam tempoh yang sama, jumlah jam bekerja melonjak 7.5 peratus kepada 8.94 bilion jam berikutan pelonggaran kebanyakan sekatan sosial dan ekonomi dengan kedudukan negara dalam fasa peralihan ke endemik. Oleh itu, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 1.3 peratus dengan nilai produktiviti RM41.0 per jam.
- Memasuki suku ketiga 2022, didapati keadaan telah hampir kembali normal berikutan orang ramai semakin menyesuaikan diri dengan hidup bersama COVID-19. Tempoh cuti panjang hujung minggu bersempena Aidiladha, pendaftaran pelajar bagi program asasi dan matrikulasi, serta sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia merupakan antara peristiwa sepanjang suku tersebut. Kesemua ini dijangka akan mendorong kepada situasi ekonomi yang memberangsangkan pada ST3 2022, dan seterusnya mempertingkatkan permintaan buruh oleh industri. Justeru, momentum pasaran buruh negara dijangka akan kekal positif dalam beberapa bulan akan datang berikutan situasi pandemik yang bertambah baik.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# 1. PENDAHULUAN

## Pasaran buruh Malaysia terus bertambah baik pada suku kedua 2022 didorong oleh fasa peralihan ke endemik

Melebihi dua tahun selepas dunia dikejutkan oleh krisis kesihatan awam, masyarakat global telah membuat penyesuaian untuk meneruskan hidup bersama COVID-19 dalam norma baharu, dengan seluruh tumpuan diberikan kepada usaha pemulihan daripada impak pandemik terhadap kedudukan sosioekonomi. Walaupun kebimbangan orang ramai mengenai COVID-19 semakin berkurang, krisis kemanusiaan berikutan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine telah menjadi tajuk utama di seluruh dunia. Krisis ini telah memberi tekanan tambahan kepada gangguan rantai bekalan akibat pandemik dan menyebabkan lonjakan harga komoditi global. Hal ini serta transisi dalam corak permintaan pengguna selepas pandemik merupakan risiko kepada kenaikan harga yang berterusan dan seterusnya gangguan terhadap pertumbuhan ekonomi. Di sebalik langkah kawalan dan pemulihan negara-negara melalui peningkatan kadar faedah bagi menguruskan peningkatan inflasi yang berterusan, World Bank telah menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi 2022 kepada 2.9 peratus pada Jun 2022 berbanding 4.1 peratus pada Januari 2022<sup>1</sup>. *International Monetary Fund* juga telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun ini kepada 3.2 peratus, 0.4 mata peratus lebih rendah berbanding ramalan 3.6 peratus pada April 2022<sup>2</sup>.

Melihat kepada situasi di Malaysia pada suku kedua (ST2) 2022, dengan seluruh negara memasuki fasa peralihan ke endemik sejak 1 April 2022 telah menyaksikan pemansuhan sebahagian besar sekatan sosial dan ekonomi. Tujuan peralihan ini adalah sebagai fasa persediaan supaya masyarakat dapat membuat penyesuaian dan mengamalkan langkah kesihatan awam dengan impak minimum kepada kehidupan seharian tanpa campur tangan kerajaan sebelum melangkah sepenuhnya ke fasa endemik. Sebagai rekod, suku yang sama tahun sebelumnya menyaksikan situasi yang amat berbeza susulan peningkatan mendadak kes harian COVID-19 yang menyumbang kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh atau dikenali sebagai “*total lockdown*” yang merangkumi penutupan perniagaan tidak penting; mengehadkan waktu perniagaan dan bilangan pekerja di premis; di samping larangan menganjurkan perhimpunan besar bagi tujuan sosial, keagamaan dan perayaan.

Pembukaan semula sempadan antarabangsa negara telah menarik kemasukan hampir 400 ribu pelancong antarabangsa pada April 2022, selanjutnya menyumbang ke arah pemulihan perniagaan terutamanya dalam industri pelancongan seperti pengangkutan udara dan air, perdagangan runcit, makanan dan minuman dan penginapan serta rekreasi. Tambahan pula, umat Islam melaksanakan ibadah puasa Ramadan pada bulan tersebut dan membuat persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mei. Dengan memanfaatkan peningkatan permintaan pengguna sejajar dengan pemansuhan pelbagai sekatan, para peniaga telah merebut peluang untuk meneruskan operasi dan menawarkan pelbagai promosi jualan yang menarik. Dari segi sektor pendidikan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka untuk sekolah rendah dan menengah juga disambung semula pada April 2022. Justeru, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengukuh sebanyak 5.6 peratus pada bulan tersebut selepas meningkat 5.4 peratus pada Mac. Sehubungan itu, tenaga buruh meningkat 2.5 peratus tahun ke tahun apabila guna tenaga meningkat 3.3 peratus manakala pengangguran menurun sebanyak 12.6 peratus pada April 2022 [Jadual 1.1].

<sup>1</sup> World Bank (2022). *Global Economic Prospects, June 2022*. Washington, DC: World Bank. doi: 10.1596/978-1-4648-1843-1. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0 IGO.

<sup>2</sup> International Monetary Fund. (2022, July). *World Economic Outlook Update: Gloomy and More Uncertain*. Diambil daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2022/07/26/world-economic-outlook-update-july-2022>

Situasi sosioekonomi yang rancak berterusan pada bulan Mei apabila orang ramai mengambil kesempatan cuti panjang pada awal bulan tersebut untuk berhimpun bersama keluarga dan rakan-rakan dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri. Malah, setiap hujung minggu juga penuh dengan aktiviti sosial seperti majlis perkahwinan dan perjumpaan serta aktiviti sukan dan rekreasi. Sementara itu, gangguan rantaian bekalan telah mula menjejaskan negara, terutamanya dengan kenaikan ketara harga makanan dan komoditi. Mengikuti jejak langkah negara lain dalam mengekang peningkatan inflasi, Bank Negara Malaysia menaikkan kadar dasar semalaman sebanyak 25 mata asas kepada 2.00 peratus pada 11 Mei 2022 selepas dikekalkan pada paras terendah 1.75 peratus sejak Julai 2020 untuk mengurangkan kesan pandemik. Ekonomi kekal positif pada Mei 2022 walaupun pada kadar yang lebih perlahan, mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0 peratus berbanding bulan yang sama pada 2021. Sementara itu, tenaga buruh meningkat sebanyak 2.7 peratus disumbang oleh kenaikan 3.4 peratus dalam guna tenaga. Sebaliknya, pengangguran terus berkurang sebanyak 12.4 peratus berbanding Mei 2021. Dalam perkembangan lain, Perintah Gaji Minimum 2022 yang baharu juga telah berkuat kuasa sejak 1 Mei 2022, dengan pelaksanaannya diwajibkan kepada majikan yang menggaji lima atau lebih pekerja serta majikan yang menjalankan aktiviti profesional tanpa mengira bilangan pekerja. Walau bagaimanapun, pengecualian sementara dibuat untuk majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja sehingga 31 Disember 2022, bagi memberi peluang kepada mereka untuk membuat persiapan dan persediaan yang bersesuaian sebelum dilaksanakan pada tahun depan.

**Jadual 1.1:** KDNK, tenaga buruh, penduduk bekerja dan penganggur, 2020, 2021, ST1 2021 - ST2 2022 & Januari 2021 - Jun 2022, peratus perubahan tahun ke tahun (%)

| Siri masa |      | KDNK | Tenaga Buruh | Penduduk Bekerja | Penganggur |
|-----------|------|------|--------------|------------------|------------|
| 2020      |      | -5.5 | 0.6          | -0.8             | 39.9       |
| 2021      |      | 3.1  | 0.8          | 0.7              | 3.1        |
| 2021      | ST1  | -0.5 | 1.4          | -0.05            | 41.2       |
|           | ST2  | 15.9 | 1.9          | 2.2              | -3.4       |
|           | ST3  | -4.5 | 1.1          | 1.2              | 0.2        |
|           | ST4  | 3.6  | 1.3          | 1.8              | -8.7       |
| 2022      | ST1  | 5.0  | 1.5          | 2.2              | -13.0      |
|           | ST2  | 8.9  | 2.3          | 3.2              | -16.1      |
| 2021      | Jan  | -3.6 | 1.2          | -0.5             | 52.9       |
|           | Feb  | -3.6 | 1.1          | -0.5             | 48.0       |
|           | Mac  | 6.1  | 1.5          | 0.6              | 23.4       |
|           | Apr  | 38.9 | 2.4          | 2.8              | -4.6       |
|           | Mei  | 19.0 | 2.4          | 3.2              | -11.9      |
|           | Jun  | -3.4 | 1.9          | 2.1              | -0.6       |
|           | Jul  | -7.6 | 1.6          | 1.5              | 4.4        |
|           | Ogos | -4.7 | 1.4          | 1.5              | 1.0        |
|           | Sep  | -1.1 | 1.6          | 1.8              | -1.1       |
|           | Okt  | 2.7  | 1.9          | 2.3              | -5.8       |
|           | Nov  | 6.2  | 2.2          | 2.7              | -9.2       |
|           | Dis  | 2.0  | 2.2          | 2.8              | -11.0      |
| 2022      | Jan  | 4.4  | 2.2          | 2.9              | -13.1      |
|           | Feb  | 5.2  | 2.2          | 3.0              | -13.6      |
|           | Mac  | 5.3  | 2.2          | 2.9              | -11.2      |
|           | Apr  | 5.6  | 2.5          | 3.3              | -12.6      |
|           | Mei  | 5.0  | 2.7          | 3.4              | -12.4      |
|           | Jun  | 16.5 | 3.1          | 4.2              | -18.0      |

**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, Mac 2022, & Akaun Negara ST2 2022, DOSM

Melangkah ke Jun 2022, industri pelancongan terus memperoleh momentum dengan ketibaan lebih sejuta pelancong antarabangsa dalam tempoh dua bulan yang lalu selepas pembukaan semula sempadan antarabangsa negara<sup>3</sup>. Berikutan cuti sekolah selama seminggu dalam bulan Jun, pelancong tempatan juga terus meneroka pelbagai destinasi di seluruh negara untuk menikmati kepulauan dan pantai yang indah; taman hutan hujan tropika dan gunung; mercu tanda seni bina unik dan bersejarah; serta pelbagai makanan istimewa. Walaupun kenaikan harga komoditi dan makanan terus memberi cabaran kepada proses pemulihan ekonomi, pemberian subsidi dan pelaksanaan kawalan harga sebahagian besarnya telah berjaya mengawal keadaan. KDNK meningkat 16.5 peratus pada Jun 2022 terutamanya kerana asas yang rendah selepas Perintah Kawalan Pergerakan Penuh pada bulan yang sama tahun lepas. Tenaga buruh juga meningkat 3.1 peratus apabila guna tenaga bertambah sebanyak 4.2 peratus manakala pengangguran berkurangan 18.0 peratus.

Secara keseluruhan, dengan Malaysia memasuki fasa peralihan ke endemik telah merangsang keadaan ekonomi yang menggalakkan yang mana KDNK berkembang 8.9 peratus pada ST2 2022 disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Selain itu, sektor Pembinaan juga pulih dengan semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif kecuali Kejuteraan awam. Perkembangan ini telah memupuk keadaan pasaran buruh yang optimis apabila permintaan buruh meningkat berikutan bilangan jawatan diisi dan kekosongan yang lebih tinggi; lantas menyumbang kepada peningkatan guna tenaga dan pengurangan pengangguran yang berterusan pada ST2 2022.

---

<sup>3</sup> Kenyataan Menteri Pelancongan, Senian dan Budaya dalam The New Straits Time bertarikh 4 Jun 2022. Diambil daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/06/802345/over-million-tourists-arrivals-malaysia-border-reopening>


## 2. PENAWARAN BURUH

### 2.1 Tenaga buruh pada suku kedua 2022

Penawaran buruh terus menunjukkan momentum positif pada ST2 2022 dengan peningkatan sebanyak 2.3 peratus (+371.1 ribu) tahun ke tahun kepada 16.34 juta orang. Sehubungan itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat 0.9 mata peratus kepada 69.2 peratus merekodkan KPTB yang lebih tinggi berbanding prapandemik pada ST4 2019 iaitu 69.1 peratus **[Carta 2.1]**.

Berbanding suku sebelum, bilangan tenaga buruh naik 0.6 peratus (+97.1 ribu orang) manakala KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus.

**Carta 2.1:** Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh, ST1 2019 - ST2 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Mengikut jantina, tenaga buruh lelaki merangkumi 61.1 peratus atau 9.98 juta orang pada ST2 2022. Bilangan ini melonjak 2.6 peratus tahun ke tahun atau bersamaan dengan pertambahan 250.5 ribu orang. Sementara itu, tenaga buruh perempuan yang terdiri dari 38.9 peratus merekodkan peningkatan 1.9 peratus tahun ke tahun, pertambahan 120.6 ribu orang kepada 6.36 juta orang **[Carta 2.2]**.

Selari dengan itu, tenaga buruh lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan dalam bilangan tenaga buruh berbanding suku sebelumnya. Tenaga buruh lelaki bertambah 50.4 ribu (0.5%) manakala tenaga buruh wanita meningkat sebanyak 46.8 ribu (0.7%).


**Carta 2.2:** Tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 - ST2 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Sehubungan itu, KPTB lelaki mencatatkan peningkatan ketara 1.0 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 81.8 peratus. Demikian juga KPTB perempuan, bertambah sebanyak 0.8 mata peratus kepada 55.8 peratus. KPTB lelaki dan perempuan turut meningkat berbanding suku sebelumnya, masing-masing sebanyak 0.3 mata peratus dan 0.2 mata peratus [Carta 2.3].

**Carta 2.3:** Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 - ST2 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Seterusnya, mengikut pecahan kumpulan umur, lebih satu pertiga (34.2%) atau 5.59 juta tenaga buruh pada ST2 2022 tertumpu pada kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan diikuti dengan 25.1 peratus (4.10 juta) yang berusia 35 hingga 44 tahun. Sementara itu, belia berumur 15 hingga 24 tahun merangkumi sebanyak 16.9 peratus (2.77 juta), diikuti 16.3 peratus (2.66 juta) yang berumur 45 hingga 54 tahun dan 7.5 peratus (1.23 juta) berumur 55 hingga 64 tahun.

Perbandingan dengan ST2 2021, bilangan tenaga buruh dalam tiga kumpulan umur yang lebih muda mencatatkan kenaikan manakala dua lagi kumpulan umur yang lebih tua menunjukkan penurunan. Pertambahan terbesar tenaga buruh sebanyak 259.7 ribu orang (+4.9%) direkodkan bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, diikuti dengan kumpulan umur 15 hingga 24 tahun yang meningkat sebanyak 187.2 ribu (7.3%) dan 35 hingga 44 tahun dengan pertambahan sebanyak

165.5 ribu orang (4.2%). Sebaliknya, bilangan tenaga buruh berumur 45 hingga 54 tahun berkurang sebanyak 49.6 ribu orang (-1.8%) tahun ke tahun manakala kumpulan umur 55 hingga 64 tahun menurun 191.8 ribu orang (-13.5%).

Walau bagaimanapun, bilangan tenaga buruh berbanding suku sebelumnya menunjukkan peningkatan dalam semua kohort umur yang mana pertambahan terbesar dicatatkan dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, 15 hingga 24 tahun dan 45 hingga 54 tahun **[Carta 2.4]**.

**Carta 2.4:** Tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Dua kumpulan umur merekodkan KPTB lebih 80 peratus pada ST2 2022 yang mana KPTB tertinggi dicatatkan oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun pada 87.9 peratus dan diikuti dengan 84.6 peratus bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Kumpulan umur 45 hingga 54 tahun turut mencatatkan KPTB yang agak tinggi pada 75.5 peratus, melebihi KPTB nasional iaitu 69.2 peratus. Kadar terendah dicatatkan oleh kumpulan umur 55 hingga 64 tahun iaitu 44.2 peratus. Perubahan tahun ke tahun, tiga kumpulan umur yang lebih muda dari 15 hingga 44 tahun mencatatkan KPTB yang lebih tinggi berbanding ST2 2021.

Pecahan mengikut kumpulan umur dan jantina, KPTB lelaki yang lebih tinggi dicatatkan bagi dua kohort umur berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Belia lelaki berumur 15 hingga 24 tahun mencatatkan peningkatan KPTB sebanyak 8.2 mata peratus kepada 56.7 peratus manakala KPTB bagi lelaki yang berumur 25 hingga 34 tahun meningkat 2.0 mata peratus kepada 95.8 peratus. Pengurangan terbesar KPTB lelaki direkodkan bagi kumpulan umur 55 hingga 64 tahun yang menurun sebanyak 12.7 mata peratus kepada 64.2 peratus.

Bagi perempuan pula, tiga kumpulan umur mencatatkan peningkatan KPTB yang mana kenaikan terbesar adalah bagi umur 25 hingga 34 tahun iaitu sebanyak 3.5 mata peratus untuk merekodkan 79.1 peratus. Ini diikuti oleh kumpulan umur 35 hingga 44 tahun yang mencatatkan kenaikan sebanyak 2.7 mata peratus kepada 73.2 peratus; dan umur 55 hingga 64 tahun dengan peningkatan 2.5 mata peratus kepada 24.2 peratus **[Carta 2.5]**.

**Carta 2.5:** KPTB mengikut jantina dan kumpulan umur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 2.2 Guna tenaga pada suku kedua 2022

Bilangan penduduk bekerja merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih tinggi sebanyak 3.2 peratus (+493.9 ribu) kepada 15.70 juta pada ST2 2022 berbanding peningkatan 2.2 peratus yang dicatatkan pada suku sebelumnya. Selari dengan ini, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi dalam mewujudkan pekerjaan terus berada dalam trend menaik sebanyak 1.5 mata peratus berbanding ST2 2021 bagi merekodkan 66.5 peratus.

Suku ke suku, bilangan penduduk bekerja kekal dalam trend peningkatan walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.8 peratus (+126.3 ribu) berbanding 0.9 peratus pada ST1 2022. Oleh yang demikian, nisbah guna tenaga kepada penduduk juga meningkat sebanyak 0.4 mata peratus berbanding suku sebelumnya [Carta 2.6].

**Carta 2.6:** Penduduk bekerja & nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2019 - ST2 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Lelaki merangkumi lebih separuh daripada penduduk bekerja dengan sumbangan 61.1 peratus (9.60 juta) manakala perempuan meliputi 38.9 peratus (6.10 juta) pada ST2 2022. Perubahan tahun ke tahun, penduduk bekerja lelaki dan perempuan masing-masing merekodkan pertambahan sebanyak 311.3 ribu (3.4%) dan 182.6 ribu (3.1%). Kedua-dua kategori ini juga turut mencatatkan peningkatan suku ke suku yang mana bilangan penduduk bekerja lelaki naik 0.7 peratus (+62.1 ribu) manakala penduduk bekerja perempuan meningkat 1.1 peratus (64.3 orang) [Carta 2.7].

**Carta 2.7:** Penduduk bekerja mengikut jantina, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Dari segi kumpulan umur, lebih separuh daripada penduduk bekerja pada ST2 2022 tertumpu dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun (34.2%) dan 35 hingga 44 tahun (25.7%). Ini diikuti dengan penduduk bekerja yang masing-masing berumur 45 hingga 54 tahun (16.6%), 15 hingga 24 tahun (15.7%) dan 55 hingga 64 tahun (7.7%).


Perbandingan tahun ke tahun, peningkatan bilangan penduduk bekerja dapat diperhatikan bagi kumpulan umur yang lebih muda antara 15 hingga 44 tahun berbanding penurunan yang direkodkan oleh kohort umur lebih tua iaitu 45 hingga 64 tahun. Peningkatan terbesar bilangan penduduk bekerja iaitu sebanyak 303.8 ribu (6.0%) dicatatkan oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun kepada 5.37 juta orang. Bilangan penduduk bekerja berumur 35 hingga 44 tahun meningkat sebanyak 186.1 ribu (4.8%) kepada 4.04 juta manakala penduduk bekerja belia berumur 15 hingga 24 tahun naik 166.9 ribu (7.3%) kepada 2.46 juta orang. Sebaliknya, penduduk bekerja berumur 55 hingga 64 tahun berkurang 148.9 ribu (-10.9%) kepada 1.21 juta orang, diikuti oleh kategori umur 45 hingga 54 tahun yang menurun 14.0 ribu (-0.5%) kepada 2.61 juta orang. Berbanding ST1 2022, penduduk bekerja dalam semua kumpulan umur mencatatkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 1.2 peratus [Carta 2.8].

**Carta 2.8:** Penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan mahir merangkumi sumbangan 27.9 peratus atau 4.39 juta orang pada ST2 2022. Bilangan dalam kategori ini mencatatkan peningkatan tahunan kali pertama sebanyak 0.8 peratus (+36.8 ribu) selepas menurun sejak ST3 2021. Sementara itu, kategori separuh mahir yang terdiri daripada lebih separuh penduduk bekerja (59.7%) meningkat sebanyak 3.5 peratus (+318.2 ribu) tahun ke tahun untuk merekodkan 9.37 juta orang. Dalam tempoh yang sama, kategori pekerjaan berkemahiran rendah juga mencatatkan bilangan penduduk bekerja yang lebih tinggi iaitu 1.94 juta orang, selepas peningkatan 7.7 peratus (+138.9 ribu) pada ST1 2022 [Carta 2.9].

Sementara itu, penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah turut meningkat berbanding suku sebelumnya. Kategori mahir mencatatkan kenaikan tertinggi 45.5 ribu (1.0%) manakala kategori separuh mahir meningkat sebanyak 66.9 ribu orang (0.7%). Sebaliknya, penduduk bekerja dalam kategori berkemahiran rendah berkurang sebanyak 13.9 ribu orang (0.7%).

**Carta 2.9:** Penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran, ST1 2020 - ST2 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Mengikut taraf pekerjaan, semua kategori penduduk bekerja menunjukkan trend positif tahun ke tahun dan suku ke suku pada ST2 2022 kecuali pekerja keluarga tanpa gaji. Kategori ini yang merangkumi 3.2 peratus penduduk bekerja, turun 5.5 peratus (-28.8 ribu) dari ST2 2021 untuk mencatatkan 496.3 ribu orang.

Kategori pekerja yang terdiri daripada pekerja bergaji di sektor awam dan swasta meliputi 75.6 peratus penduduk bekerja. Bilangan dalam kategori ini melonjak 2.3 peratus (+263.0 ribu) untuk mencatatkan 11.87 juta orang. Mereka yang bekerja sendiri meliputi pelbagai peranan termasuk pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja serta pekerjaan professional seperti perunding dan bekerja bebas (*freelance*). Kumpulan ini yang merangkumi 17.7 peratus atau 2.77 juta orang mencatatkan kenaikan sebanyak 6.2 peratus (+161.1 ribu) berbanding ST2 2021. Sementara itu, kategori majikan yang melibatkan 3.6 peratus daripada penduduk bekerja meningkat 21.4 peratus (+ 98.5 ribu) kepada 558.5 ribu pada ST2 2022 [**Carta 2.10**].

**Carta 2.10:** Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, ST1 2020 - ST2 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Melihat kepada pecahan pencapaian pendidikan, majoriti penduduk bekerja mempunyai pendidikan menengah (56.6%) manakala mereka yang mempunyai pendidikan tertiar merangkumi 31.3 peratus. Penduduk bekerja dengan pendidikan rendah dan tiada pendidikan formal masing-masing mewakili 9.1 peratus dan 3.0 peratus.

Peningkatan bilangan penduduk bekerja pada ST2 2022 disumbangkan oleh pertambahan mereka yang mempunyai pendidikan menengah sebanyak 7.5 peratus (+618.7 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya kepada 8.89 juta. Sebaliknya, tiga kategori yang lain mencatatkan bilangan penduduk bekerja yang lebih rendah. Penduduk yang tidak mempunyai pendidikan formal menurun 13.9 peratus (-76.0 ribu) tahun ke tahun kepada 470.6 ribu manakala penduduk yang mempunyai pendidikan rendah jatuh 2.9 peratus (-42.8 ribu) kepada 1.43 juta. Di samping itu, bilangan penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar menurun 0.1 peratus (-6.0 ribu) kepada 4.91 juta orang [Carta 2.11].


Walau bagaimanapun, peningkatan suku tahunan bagi bilangan penduduk bekerja adalah disebabkan pertumbuhan positif dalam tiga kategori pencapaian pendidikan iaitu rendah, menengah dan tertiar. Sementara itu, penduduk bekerja yang tiada pendidikan formal menurun sebanyak 9.1 peratus (-46.9 ribu) berbanding ST1 2022.

**Carta 2.11:** Penduduk bekerja mengikut taraf pendidikan, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 2.3 Gambaran kedudukan guna tenaga tidak penuh pada suku kedua 2022

Dengan negara memasuki fasa peralihan ke endemik, perniagaan telah kembali beroperasi sepenuhnya pada ST2 2022 mengikut jam bekerja biasa sebelum pandemik. Keadaan ini dapat dilihat dalam pasaran buruh apabila bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu merekodkan paras terendah baharu sejak krisis kesihatan awam pada 2020 selepas menurun 31.6 peratus (-149.6 ribu) dari ST2 2021 kepada 324.5 ribu orang. Kumpulan ini yang mewakili sumbangan 2.1 peratus daripada penduduk bekerja menyusut sebanyak 1.1 mata peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya. Trend yang sama dapat diperhatikan secara suku tahunan apabila bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu berkurang 3.5 peratus (-11.8 ribu) manakala sumbangannya jatuh 0.1 mata peratus [Carta 2.12].


**Carta 2.12:** Penduduk bekerja kurang dari 30 jam, ST1 2020 - ST2 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Sehubungan itu, bilangan penduduk bekerja dalam kategori guna tenaga tidak penuh berkaitan masa pada ST2 2022 turut menurun sebanyak 35.4 peratus (-116.8 ribu) berbanding suku sama tahun 2021 untuk mencatatkan 212.8 ribu orang. Pada tempoh yang sama, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun 0.8 mata peratus kepada 1.4 peratus. Suku ke suku, bilangan dan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa masing-masing berkurang sebanyak 13.1 peratus (-32.2 ribu) dan 0.2 mata peratus [Carta 2.13].


**Carta 2.13:** Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2020 - ST2 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Satu lagi dimensi ketidakcekan buruh adalah dikaitkan dengan kemahiran atau secara umumnya didefinisikan sebagai golongan yang ingin mengubah situasi pekerjaan semasa mereka bagi memanfaatkan sepenuhnya kemahiran mereka dalam pekerjaan. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh, indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Sehingga ST2 2022, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran terus mencatatkan penurunan berbanding suku sama tahun sebelumnya, dengan pengurangan sebanyak 2.9 peratus (-52.9 ribu) kepada 1.80 juta orang. Justeru, sumbangan penduduk berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah menurun sebanyak 1.0 mata peratus. Walaupun merekodkan pengurangan, lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar berada dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah **[Carta 2.14]**.

**Carta 2.14:** Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2020 - ST2 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 2.4 Pengangguran pada suku kedua 2022

Kadar pengangguran negara berada pada 3.9 peratus pada ST2 2022 selepas jatuh 0.9 mata peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya. Sejar dengan ini, bilangan penganggur turun 16.1 peratus atau bersamaan dengan pengurangan sebanyak 122.9 ribu orang kepada 642.0 ribu penganggur pada suku tersebut. Untuk rekod, ini merupakan bilangan dan kadar terendah yang dicatatkan sejak pandemik.

Situasi pengangguran yang lebih baik turut dapat dilihat jika dibandingkan dengan suku sebelumnya apabila kadar pengangguran turun 0.2 mata peratus manakala bilangan penganggur jatuh 4.4 peratus (-29.2 ribu) [Carta 2.15].

**Carta 2.15:** Penganggur dan kadar pengangguran, ST1 2019 - ST2 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Dari segi taburan penganggur mengikut jantina, lebih daripada separuh adalah lelaki (59.7%) berbanding 40.3 peratus perempuan. Bilangan penganggur perempuan menurun sebanyak 19.3 peratus (-62.1 ribu) berbanding ST2 2021 untuk mencatatkan 258.8 ribu orang. Penganggur lelaki mengalami pengurangan sebanyak 13.7 peratus (-60.8 ribu) kepada 383.3 ribu orang. Trend yang sama turut diperhatikan suku ke suku yang mana bilangan penganggur perempuan jatuh 6.3 peratus (-17.5 ribu) manakala penganggur lelaki berkurang 3.0 peratus (-11.7 ribu) berbanding ST1 2022 [Carta 2.16].

**Carta 2.16:** Penganggur mengikut jantina, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Kadar pengangguran lebih tinggi dicatatkan oleh perempuan walaupun komposisi penganggur lelaki adalah lebih besar. Pada ST2 2022, kadar pengangguran perempuan adalah 4.1 peratus iaitu 0.3 mata peratus lebih tinggi berbanding 3.8 peratus kadar pengangguran lelaki. Kedua-dua kategori mencatatkan penurunan kadar pengangguran tahun ke tahun yang mana kadar pengangguran perempuan jatuh 1.0 mata peratus manakala kadar pengangguran lelaki turun 0.8 mata peratus. Pengurangan suku ke suku yang lebih kecil dicatatkan bagi kadar pengangguran lelaki dan perempuan masing-masing sebanyak 0.2 mata peratus dan 0.3 mata peratus [Carta 2.17].

**Carta 2.17:** Kadar pengangguran mengikut jantina, ST1 2019 - ST2 2022

Peratus (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Hampir 50 peratus (47.3%) penganggur berada dalam kumpulan umur belia iaitu 15 hingga 24 tahun, merangkumi 303.4 ribu orang pada ST2 2022. Ini diikuti oleh 34.1 peratus (219.2 ribu) berumur 25 hingga 34 tahun dan 8.5 peratus (54.3 ribu) dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Sementara itu, penganggur dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun mencatatkan sumbangan terendah iaitu 2.9 peratus (18.5 ribu). Perbandingan tahun ke tahun, bilangan bagi kesemua kumpulan umur mencatatkan penurunan kecuali penganggur dalam kumpulan umur belia yang meningkat sebanyak 7.2 peratus (+20.3 ribu). Sementara itu, berbanding suku sebelumnya, dua kumpulan umur mencatatkan bilangan penganggur yang lebih tinggi iaitu 45 hingga 54 tahun yang meningkat 0.8 peratus (+0.4 ribu) serta 15 hingga 24 tahun dengan peningkatan 0.1 peratus (0.2 ribu) [Carta 2.18].

**Carta 2.18:** Penganggur mengikut kumpulan umur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Penurunan kadar pengangguran pada ST2 2022 berbanding suku sama tahun sebelumnya dapat dilihat bagi kesemua kumpulan umur. Kejatuhan terbesar sebanyak 2.8 mata peratus dialami oleh kumpulan umur 55 hingga 64 tahun kepada 1.5 peratus daripada 4.3 peratus pada ST2 2021. Di samping itu, penurunan kadar pengangguran yang ketara juga direkodkan bagi kumpulan umur 45 hingga 54 tahun dan 25 hingga 34 tahun. Sementara itu, belia berumur 15 hingga 24 tahun terus mencatatkan kadar pengangguran dua digit iaitu 11.0 peratus [Carta 2.19].

**Carta 2.19:** Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur, ST1 2019 - ST2 2022


Peratus (%)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Sejak ST3 2021, penganggur aktif melebihi 88 peratus daripada jumlah pengangguran. Pada ST2 2022, kumpulan ini menyumbang 88.4 peratus atau 567.5 ribu orang, menurun sebanyak 14.4 peratus (-95.8 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Bilangan penganggur tidak aktif juga merekodkan pengurangan sebanyak 26.6 peratus (-27.1 ribu) kepada 74.5 ribu orang [Carta 2.20].

**Carta 2.20:** Penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2019 - ST2 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Dalam kalangan penganggur aktif, hampir dua pertiga (59.4%) atau 336.9 ribu menganggur kurang dari tiga bulan. Ini diikuti oleh sumbangan sebanyak 22.7 peratus (128.9 ribu) yang menganggur antara tiga bulan hingga kurang dari enam bulan. Sementara itu, mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang selama satu tahun atau lebih terdiri daripada 6.4 peratus (36.5 ribu). Penganggur aktif dalam semua kategori tempoh pengangguran mencatatkan pengurangan tahun ke tahun. Penurunan terbesar dapat dilihat bagi mereka yang menganggur kurang dari tiga bulan, dengan pengurangan 48.0 ribu (-12.5%).

Sementara itu, dua kategori mencatatkan peningkatan penganggur aktif berbanding suku sebelumnya iaitu enam bulan hingga kurang dari satu tahun dan satu tahun dan lebih [Carta 2.21].

**Carta 2.21:** Penganggur aktif mengikut tempoh masa menganggur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 2.5 Luar tenaga buruh pada suku kedua 2022

Melihat kepada penduduk luar tenaga buruh berbanding setahun yang lalu, bilangannya pada ST2 2022 menurun sebanyak 2.2 peratus (-166.4 ribu) kepada 7.26 juta orang. Penurunan ini serta peningkatan tenaga buruh pada suku tersebut menggambarkan peralihan kumpulan tidak aktif untuk menyertai tenaga buruh. Bilangan luar tenaga buruh juga berkurang berbanding suku sebelumnya walaupun pada kadar yang lebih kecil iaitu negatif 0.4 peratus (-31.4 ribu) [Carta 2.22].


**Carta 2.22:** Luar tenaga buruh, ST1 2019 - ST2 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Perempuan mewakili hampir 70 peratus penduduk luar tenaga buruh pada ST2 2022 dengan 69.4 peratus atau bersamaan 5.04 juta orang. Sementara itu, terdapat 2.22 juta luar tenaga buruh lelaki yang merangkumi sumbangan 30.6 peratus. Jika dibandingkan dengan ST2 2021, bilangan luar tenaga buruh lelaki menurun 4.1 peratus (-95.4 ribu) manakala perempuan berkurang sebanyak 1.4 peratus (-71.0 ribu) [Carta 2.23].

**Carta 2.23:** Luar tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 - ST2 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Pecahan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur pada ST2 2022, belia berumur 15 hingga 24 tahun meliputi sumbangan terbesar sebanyak 45.8 peratus atau 3.32 juta orang. Kumpulan ini boleh dikaitkan dengan mereka yang masih dalam sistem pendidikan. Kumpulan umur 55 hingga 64 tahun yang mungkin berada di luar tenaga buruh kerana bersara, berada pada kedudukan kedua dari segi komposisi dan menyumbang 21.4 peratus (1.56 juta). Perbandingan tahun ke tahun, penurunan bilangan luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh pengurangan 16.5 peratus (-151.5 ribu) dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun serta kejatuhan 3.6 peratus (-122.9 ribu) dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun. Sementara itu, kumpulan umur lain mencatatkan bilangan luar tenaga buruh yang lebih tinggi berbanding ST2 2021.


Berbanding ST1 2022, dua kohort umur mencatatkan peningkatan dalam bilangan luar tenaga buruh manakala kumpulan lain merekodkan pengurangan **[Carta 2.24]**.

**Carta 2.24:** Luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Analisis selanjutnya bagi luar tenaga buruh lelaki dan perempuan menunjukkan corak yang berbeza antara kedua-dua kumpulan. Lebih separuh (62.1%) luar tenaga buruh lelaki berada dalam kumpulan umur belia 15 hingga 24 tahun diikuti, oleh hampir satu per empat (22.5%) dalam kumpulan umur tertua 55 hingga 64 tahun. Hal ini berkemungkinan kerana kemasukan lelaki ke dalam pasaran buruh lebih lewat disebabkan pendidikan manakala kebanyakan mereka yang keluar dari pasaran buruh adalah kerana persaraan.

Komposisi tertinggi luar tenaga buruh perempuan juga adalah dalam kumpulan umur belia (38.6%) dan diikuti dengan kohort umur tertua (21.0%). Walau bagaimanapun, kombinasi kedua-dua kategori yang meliputi 59.6 peratus adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan lelaki dalam kumpulan umur yang sama (84.6%). Justeru, peratusan yang agak signifikan dilihat bagi luar tenaga buruh perempuan dalam kumpulan umur lain iaitu antara 12.4 peratus hingga 15.5 peratus, menunjukkan bahawa perempuan cenderung untuk keluar daripada pasaran buruh lebih awal berbanding lelaki **[Carta 2.25]**.

**Carta 2.25:** Luar tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

Peratus sumbangan (%)



**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Pada ST2 2022, komposisi terbesar sebanyak 42.2 peratus tidak mencari kerja disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Walau bagaimanapun, bilangan luar tenaga buruh dalam kategori ini menurun sebanyak 5.4 peratus (-173.6 ribu) berbanding ST2 2021 kepada 3.06 juta orang. Mereka yang masih bersekolah atau menjalani program latihan berada di kedudukan kedua dengan sumbangan 41.2 peratus atau bersamaan 2.99 juta orang. Bilangan dalam kategori ini juga menurun 4.1 peratus (-127.6 ribu) berbanding suku sama tahun 2021. Sementara itu, sebanyak 2.1 peratus daripada luar tenaga buruh tidak mencari kerja kerana mereka akan melanjutkan pelajaran. Kategori ini meningkat tahun ke tahun sebanyak 35.9 peratus (+39.7 ribu) kepada 150.3 ribu, menunjukkan kumpulan ini berpotensi untuk menyertai tenaga buruh setelah menamatkan pengajian mereka [Paparan 2.1].

**Paparan 2.1:** Luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari kerja, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

|                                      |  | ST2 2022            | Peratus perubahan (tahun ke tahun) |                         |
|--------------------------------------|--|---------------------|------------------------------------|-------------------------|
|                                      |  | Orang ('000)        | Peratus perubahan (suku ke suku)   |                         |
|                                      |  | (Peratus sumbangan) |                                    |                         |
| Bersekolah/ program latihan          |  | 2,990<br>(41.2%)    | ▼ -4.1%                            | ST2 2021: 3,117 (42.0%) |
|                                      |  |                     | ▼ -1.0%                            | ST1 2022: 3,021 (41.4%) |
| Kerja rumah                          |  | 3,060<br>(42.2%)    | ▼ -5.4%                            | ST2 2021: 3,233 (43.5%) |
|                                      |  |                     | ▲ 0.9%                             | ST1 2022: 3,033 (41.6%) |
| Melanjutkan pelajaran                |  | 150<br>(2.1%)       | ▲ 35.9%                            | ST2 2021: 111 (1.5%)    |
|                                      |  |                     | ▼ -31.4%                           | ST1 2022: 219 (3.0%)    |
| Kurang upaya                         |  | 245<br>(3.4%)       | ▲ 82.0%                            | ST2 2021: 135 (1.8%)    |
|                                      |  |                     | ▲ 11.0%                            | ST1 2022: 221 (3.0%)    |
| Tidak berminat/ baru tamat pengajian |  | 87<br>(1.2%)        | ▼ -63.3%                           | ST2 2021: 236 (3.2%)    |
|                                      |  |                     | ▼ -4.4%                            | ST1 2022: 91 (1.2%)     |
| Bersara/ lanjut umur                 |  | 727<br>(10.0%)      | ▲ 22.6%                            | ST2 2021: 593 (8.0%)    |
|                                      |  |                     | ▲ 3.1%                             | ST1 2022: 705 (9.7%)    |


**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 2.6 Tenaga buruh mengikut negeri pada suku kedua 2022

Berhubung kedudukan tenaga buruh di peringkat negeri pada ST2 2022, KPTB di enam negeri adalah lebih tinggi berbanding 69.2 peratus yang dicatatkan di peringkat nasional, iaitu Selangor (75.7%), W.P. Kuala Lumpur (74.4%), Pulau Pinang (71.2%), Sarawak (70.8%), W.P. Putrajaya (70.7%) dan Johor (69.4%).

Berbanding dengan suku sama tahun sebelumnya, kebanyakan negeri mencatatkan kenaikan KPTB kecuali Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang dan Perlis. Kelantan mencatatkan perubahan positif tertinggi iaitu 4.2 mata peratus kepada 61.3 peratus. Sebelas negeri lain mencatatkan kenaikan KPTB antara 0.4 mata peratus hingga 2.4 mata peratus. Ini menunjukkan penyertaan yang lebih tinggi dalam pasaran buruh bagi penduduk umur bekerja di negeri masing-masing sama ada yang sedang bekerja atau mencari pekerjaan **[Carta 2.26]**.

**Carta 2.26:** Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, ST2 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Peningkatan bilangan penduduk bekerja di negara ini pada ST2 2022 adalah disebabkan oleh pertumbuhan positif tahun ke tahun yang direkodkan oleh kebanyakan negeri kecuali Pulau Pinang dan W.P. Kuala Lumpur. Selangor yang merangkumi 23.2 peratus daripada guna tenaga negara, merekodkan pertambahan bilangan penduduk bekerja yang terbesar sebanyak 99.2 ribu (2.8%) kepada 3.65 juta orang. Ini diikuti oleh Johor dengan sumbangan 11.4 peratus atau 1.80 juta penduduk bekerja selepas peningkatan sebanyak 96.4 ribu (5.7%).

Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja di Pulau Pinang berkurang sebanyak 13.8 ribu (-1.5%) kepada 900.1 ribu orang manakala W.P. Kuala Lumpur merekodkan penurunan sebanyak 15.0 ribu (-1.7%) [Carta 2.27].

**Carta 2.27:** Penduduk bekerja mengikut negeri, ST2 2022



**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Beralih kepada situasi pengangguran di peringkat negeri pada ST2 2022, W.P. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan mencatatkan kadar pengangguran terendah iaitu 0.9 peratus. Selain itu, sebelas negeri lain mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding kadar pengangguran negara 3.9 peratus, dalam lingkungan antara 2.7 peratus hingga 3.8 peratus termasuk Selangor, Johor, Pahang dan Pulau Pinang. Sebaliknya, Sabah terus mencatatkan kadar pengangguran tertinggi walaupun mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 0.1 mata peratus. Tiga negeri lain yang mencatatkan kadar pengangguran melebihi kadar pengangguran nasional ialah W.P. Labuan, Terengganu dan W.P. Kuala Lumpur.

Walaupun terdapat penurunan secara keseluruhan dalam pengangguran, dua negeri mencatatkan bilangan penganggur yang lebih tinggi berbanding suku sama tahun sebelumnya. Pengangguran di Terengganu meningkat sebanyak 2.3 ribu (11.3%) manakala Sabah merekodkan pertambahan 1.9 ribu orang (1.1%) berbanding setahun yang lalu **[Jadual 2.1]**.

**Jadual 2.1:** Penganggur dan kadar pengangguran mengikut negeri, ST2 2022

| Negeri            | Kadar Pengangguran (%) | Penganggur      |                          |                               |
|-------------------|------------------------|-----------------|--------------------------|-------------------------------|
|                   |                        | Bilangan ('000) | Perbezaan tahunan ('000) | Peratus perubahan tahunan (%) |
| Sabah             | 8.6                    | 177.0           | 1.9                      | 1.1                           |
| W.P. Labuan       | 7.2                    | 3.6             | -0.7                     | -16.8                         |
| Terengganu        | 4.4                    | 22.2            | 2.3                      | 11.3                          |
| W.P. Kuala Lumpur | 4.3                    | 38.9            | -4.7                     | -10.8                         |
| <b>Malaysia</b>   | <b>3.9</b>             | <b>642.0</b>    | <b>-122.9</b>            | <b>-16.1</b>                  |
| Kelantan          | 3.8                    | 30.3            | -4.3                     | -12.4                         |
| Perak             | 3.6                    | 40.7            | -9.0                     | -18.1                         |
| Sarawak           | 3.3                    | 48.2            | -14.4                    | -23.0                         |
| Kedah             | 3.3                    | 34.3            | -4.5                     | -11.6                         |
| Negeri Sembilan   | 3.3                    | 16.9            | -0.6                     | -3.5                          |
| Perlis            | 3.3                    | 3.8             | -2.5                     | -39.5                         |
| Melaka            | 3.2                    | 15.0            | -0.7                     | -4.7                          |
| Selangor          | 2.9                    | 110.8           | -54.3                    | -32.9                         |
| Johor             | 2.9                    | 53.4            | -14.5                    | -21.3                         |
| Pulau Pinang      | 2.9                    | 26.5            | -10.8                    | -28.9                         |
| Pahang            | 2.7                    | 20.2            | -5.9                     | -22.6                         |
| W.P. Putrajaya    | 0.9                    | 0.3             | -0.2                     | -43.4                         |


**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 3. PERMINTAAN BURUH

### 3.1 Jawatan dalam sektor ekonomi pada suku kedua 2022

Permintaan buruh mengukuh pada ST2 2022 dengan bilangan jawatan dalam ekonomi terus dalam trend peningkatan, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 3.2 peratus (+267.0 ribu) untuk merekodkan sejumlah 8.62 juta jawatan. Perbandingan dengan suku sebelumnya, bilangan jawatan meningkat 0.5 peratus (+46.7 ribu) selari dengan kemajuan sederhana dalam pasaran buruh susulan pembukaan sepenuhnya sempadan negara dan fasa peralihan ke endemik yang memberi kelonggaran kebanyakan prosedur operasi standard (SOP) [Carta 3.1].

**Carta 3.1:** Jawatan, ST1 2019 - ST2 2022




**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Bilangan jawatan diisi pada ST2 2022 adalah 8.427 juta, meningkat 3.1 peratus (+253.7 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Sejar dengan itu, pertambahan sebanyak 39.7 ribu (0.5%) jawatan diisi direkodkan berbanding suku sebelumnya.

Selaras dengan itu, peluang pekerjaan dalam ekonomi yang ditentukan oleh bilangan kekosongan berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 7.5 peratus (+13.3 ribu) berbanding ST2 2021 kepada 191.3 ribu. Peningkatan yang lebih tinggi iaitu 3.8 peratus (+7.0 ribu) dapat dilihat berbanding peningkatan marginal 0.4 peratus pada ST1 2022.

Dari segi kadar jawatan diisi, turun 0.1 mata peratus dari ST2 2021 mencatatkan 97.8 peratus dan kekal seperti dua suku sebelumnya. Sehubungan itu, kadar kekosongan meningkat 0.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 2.2 peratus dan turut kekal seperti dua suku sebelumnya [Carta 3.2].

**Carta 3.2:** Jawatan diisi, kadar jawatan diisi, kekosongan & kadar kekosongan, ST1 2020 - ST2 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Kesemua sektor ekonomi mencatatkan pertambahan dalam bilangan jawatan pada ST2 2022 kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian yang terus dalam trend menurun. ST2 2022 menyaksikan jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, berkembang sebanyak 51.9 peratus mencatatkan 4.476 juta jawatan. Perbandingan tahun ke tahun, jawatan dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 163.6 ribu jawatan (3.8%) berikutan kenaikan jawatan dalam semua subsektor Perkhidmatan kecuali Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Dua subsektor mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan merekodkan jumlah jawatan melebihi paras prapandemik pada ST4 2019, iaitu Perdagangan borong & runcit dan Pengangkutan dan penyimpanan. Berhubung taburan jawatan mengikut subsektor Perkhidmatan, lebih 70 peratus jawatan adalah dalam Perdagangan borong & runcit (36.8%); Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (20.2%) dan Makanan & minuman dan penginapan (17.4%).

Daripada keseluruhan jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan, 99.3 peratus atau 4.445 juta adalah jawatan diisi yang mencatatkan peningkatan 3.8 peratus (+160.5 ribu) pada ST2 2022. Kesemua subsektor merekodkan kadar jawatan diisi melebihi 99 peratus kecuali Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dengan catatan 98.8 peratus. Kadar jawatan diisi tertinggi adalah dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (99.7%) diikuti Pengangkutan dan penyimpanan pada 99.5 peratus. Kekosongan dalam sektor Perkhidmatan meliputi 0.7 peratus (30.6 ribu) daripada jumlah jawatan menunjukkan kenaikan 11.1 peratus (+3.1 ribu). Kekosongan ini kebanyakannya berada dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (35.7%) dan Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (35.3%).


Kedudukan seterusnya adalah jawatan dalam sektor Pembuatan yang merangkumi 27.4 peratus (2.358 juta) daripada jumlah jawatan. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.4 peratus (+99.6 ribu) disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor. Pertambahan

bilangan jawatan tertinggi adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal, diikuti Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan; dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan. Jawatan dalam sektor Pembuatan sebahagian besarnya tertumpu pada Produk elektrik, elektronik dan optikal (26.7%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (19.1%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (15.3%). Kombinasi ketiga-tiga subsektor ini telah menyumbang sebanyak hampir dua pertiga daripada jawatan dalam sektor Pembuatan.

Kadar jawatan diisi bagi sektor Pembuatan kekal pada 95.5 peratus dalam ST2 2022. Bilangan jawatan diisi adalah 2.251 juta, naik sebanyak 4.3 peratus (+92.8 ribu) berbanding tahun sebelumnya. Subsektor Produk tekstil, pakaian dan kulit mencatatkan kadar jawatan diisi tertinggi (96.3%) manakala kadar terendah adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal iaitu 94.8 peratus. Kekosongan jawatan dalam sektor ini adalah sebanyak 106.9 ribu, meliputi 4.5 peratus daripada jawatan dalam sektor Pembuatan. Bilangan kekosongan meningkat sebanyak 6.8 peratus (+6.8 ribu) yang mana kesemua subsektor mengalami peningkatan kecuali Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Hampir separuh daripada kekosongan jawatan adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (30.4%) diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (19.3%).

Sementara itu, jawatan dalam sektor Pembinaan adalah 1.238 juta, merangkumi 14.4 peratus daripada jumlah jawatan pada ST2 2022. Bilangan jawatan dalam sektor ini mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun buat pertama kali sejak pandemik, iaitu sebanyak 0.1 peratus (+1.6 ribu). Kadar jawatan diisi dalam sektor ini adalah 98.2 peratus manakala kadar kekosongan sebanyak 1.8 peratus. Jawatan dalam sektor Pertanian yang berada dalam trend penurunan sejak ST1 2020 telah meningkat sebanyak 0.7 peratus (+3.4 ribu) kepada 468.9 ribu jawatan, meliputi sebanyak 5.4 peratus daripada jumlah jawatan pada ST2 2022. Jawatan diisi dalam sektor ini merangkumi 93.4 peratus berbanding kadar kekosongan 6.6 peratus. Di samping itu, sektor Perlombongan dan pengkuarian yang terdiri daripada sumbangan paling kecil sebanyak 0.9 peratus (77.6 ribu) terus menurun walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.6 peratus (-1.2 ribu). Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 99.4 peratus manakala kadar kekosongan adalah 0.6 peratus [Carta 3.3].

**Carta 3.3:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut aktiviti ekonomi, ST2 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Permintaan buruh mengikut tahap kemahiran menunjukkan bilangan jawatan dalam ketiga-tiga kategori kemahiran terus meningkat pada ST2 2022. Situasi yang sama digambarkan berbanding suku sebelumnya kecuali kategori berkemahiran rendah yang mencatatkan penurunan.

Majoriti jawatan dalam sektor ekonomi adalah dalam kategori separuh mahir yang menyumbang sebanyak 62.2 peratus atau bersamaan 5.364 juta pada ST2 2022. Berbanding suku sama tahun sebelumnya, jawatan dalam kategori ini meningkat 3.3 peratus atau pertambahan sebanyak 169.3 ribu jawatan. Kadar jawatan diisi dalam kategori separuh mahir adalah 98.0 peratus atau merangkumi 5.259 juta jawatan diisi, meningkat 3.2 peratus (+162.2 ribu) berbanding tahun sebelumnya. Bilangan kekosongan dalam kategori ini mencatatkan 105.1 ribu kekosongan atau naik sebanyak 7.3 peratus (+7.2 ribu) dengan kadar 2.0 peratus daripada jumlah jawatan padan ST2 2022. Lima pekerjaan dalam kategori ini adalah Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; serta Operator mesin dan loji.

Kategori pekerjaan mahir meliputi tiga pekerjaan iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu. Bilangan jawatan mahir naik 3.8 peratus (+79.5 ribu) tahun ke tahun kepada 2.144 juta pada suku ini, dengan sumbangan 24.9 peratus. Trend yang sama turut dapat dilihat dalam bilangan jawatan diisi bagi kategori mahir yang meningkat 3.6 peratus (+72.9 ribu) dengan catatan 2.094 juta. Kekosongan jawatan kategori mahir turut meningkat 15.2 peratus (+6.5 ribu) mencatatkan 49.3 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi bagi kategori mahir adalah 97.7 peratus manakala kadar kekosongan adalah 2.3 peratus.

Baki sumbangan sebanyak 12.9 peratus adalah bagi jawatan berkemahiran rendah yang meningkat 1.7 peratus (+18.2 ribu) kepada 1.111 juta jawatan. Bilangan jawatan diisi bagi kategori berkemahiran rendah naik 1.8 peratus (+18.6 ribu) kepada 1.074 juta, merekodkan kadar jawatan diisi 96.7 peratus. Sebaliknya, bilangan kekosongan jawatan berkemahiran rendah merekodkan penurunan 1.2 peratus (-0.4 ribu) kepada 36.9 ribu, sekaligus mencatatkan kadar kekosongan sebanyak 3.3 peratus [Carta 3.4].

**Carta 3.4:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST1 2019 - ST2 2022




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 3.2 Pewujudan jawatan pada suku kedua 2022

Lebih banyak pewujudan jawatan dapat dilihat pada ST2 2022 kerana banyak perniagaan kembali beroperasi apabila negara memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022. Bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 81.8 peratus (+13.2 ribu) tahun ke tahun untuk merekodkan sejumlah 29.4 ribu jawatan, peningkatan tertinggi dicatatkan sejak data dilaporkan pada ST1 2018. Bilangan ini telah melepasi purata bilangan pewujudan jawatan semasa prapandemik iaitu 25.6 ribu bagi tempoh ST1 2018 hingga ST4 2019. Perbandingan suku ke suku turut menunjukkan pertumbuhan dua digit iaitu 13.8 peratus (ST1 2022: 23.7%) **[Carta 3.5]**.

**Carta 3.5:** Pewujudan jawatan, ST1 2019 - ST2 2022




**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Pecahan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, semua sektor mencatatkan peningkatan tahun ke tahun pada ST2 2022. Sebahagian besar pewujudan jawatan adalah dalam sektor Perkhidmatan yang merangkumi 52.5 peratus atau bersamaan 15.4 ribu, merekodkan peningkatan sebanyak 183.9 peratus (+10.0 ribu) pada ST2 2022. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan bilangan pewujudan jawatan tertinggi dengan 6.7 ribu (sumbangan: 43.1%) diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang merekodkan sumbangan 21.2 peratus pewujudan jawatan atau bersamaan 3.3 ribu. Sementara itu, terdapat 9.0 ribu pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan, meliputi 30.6 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST2 2022, naik 24.8 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya (ST2 2021: 7.2 ribu pewujudan jawatan). Kombinasi sumbangan dua subsektor yang merangkumi hampir dua pertiga daripada pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan adalah produk Elektrik, Elektronik dan optikal (35.8%); dan produk Petroleum, kimia, getah dan plastik (25.9%). Di samping itu, pewujudan jawatan dalam sektor Pembinaan terdiri daripada 11.7 peratus yang bersamaan dengan 3.4 ribu, merekodkan peningkatan sebanyak 0.7 ribu berbanding suku sama tahun sebelumnya. Sementara itu, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing merekodkan sumbangan sebanyak 4.8 peratus dan 0.3 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada suku tersebut **[Carta 3.6]**.

**Carta 3.6:** Pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, ST2 2021, ST1 2022 & ST2 2022

**Peratus sumbangan (%)**



**Peratus perubahan (%)**




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Melihat kepada pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, lebih separuh atau 59.8 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST2 2022 tertumpu dalam kategori separuh mahir yang menyumbang 17.6 ribu jawatan. Dari segi perubahan tahun ke tahun, bilangan pewujudan jawatan dalam kategori ini meningkat sebanyak 78.5 peratus. Kategori pekerjaan mahir berada di kedudukan kedua dengan hampir satu pertiga daripada pewujudan jawatan (31.5%), merekodkan peningkatan sebanyak 85.8 peratus (+4.3 ribu) kepada 9.3 ribu. Sementara itu, pewujudan jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang merangkumi 8.8 peratus, naik sebanyak 91.0 peratus (+1.2 ribu) kepada 2.6 ribu pewujudan jawatan [Carta 3.7].

**Carta 3.7:** Pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST1 2019 - ST2 2022

**Pewujudan jawatan ('000)**




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2022, DOSM

### 3.3 Iklan kekosongan jawatan dalam talian

Menurut statistik *Job Market Insights* menggunakan Analitik Data Raya, bilangan kekosongan jawatan dalam talian yang diiklankan oleh majikan pada ST1 2022 adalah 159,148 yang mana lebih tinggi sebanyak 68,930 berbanding suku sama 2021 (90,218 kekosongan). Sementara itu, perubahan suku tahunan menyaksikan kekosongan jawatan dalam talian menurun sebanyak 31,288 (ST4 2021: 190,436 kekosongan) [Carta 3.8].


**Carta 3.8:** Kekosongan jawatan dalam talian yang diiklankan, ST3 2019 - ST1 2022



**Sumber:** Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan membentuk sumbangan peratus terbesar kekosongan dalam talian yang diiklankan iaitu 61.0 peratus dengan merekodkan sejumlah 97.2 ribu kekosongan jawatan dalam talian pada ST1 2022. Walaupun sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan terbesar kekosongan dalam talian yang diiklankan, ianya belum kembali ke sumbangan paras prapandemik iaitu sekitar 70 hingga 80 peratus. Sementara itu, sumbangan kekosongan dalam talian yang diiklankan bagi sektor Pembuatan adalah 18.6 peratus pada suku tersebut dan kekal konsisten bagi tempoh ST3 2019 hingga ST1 2022 [Carta 3.9].


**Carta 3.9:** Kekosongan jawatan dalam talian yang diiklankan mengikut aktiviti ekonomi, ST3 2019 - ST1 2022



**Sumber:** Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Pecahan kekosongan jawatan dalam talian yang diiklankan mengikut kategori kemahiran menunjukkan sumbangan terbesar oleh pekerjaan mahir. Sumbangan kekosongan jawatan yang diiklankan bagi kategori mahir yang menunjukkan pengurangan ketara sejak ST3 2021, merangkumi 73.9 peratus pada ST1 2022. Komposisi 44.9 peratus kekosongan adalah dalam pekerjaan Profesional yang merekodkan pengurangan sebanyak 10.5 ribu daripada suku sebelumnya. Sementara itu, pekerjaan yang diiklankan dalam kategori Juruteknik dan profesional bersekutu dan Pengurus masing-masing meliputi 17.7 peratus dan 11.3 peratus **[Carta 3.10]**.

**Carta 3.10:** Kekosongan jawatan dalam talian yang diiklankan mengikut tahap kemahiran, ST3 2019 - ST1 2022




Sumber: Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 4. PRODUKTIVITI BURUH

### 4.1 Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja pada suku kedua 2022

Selaras dengan peralihan negara ke fasa endemik pada 1 April 2022, ekonomi Malaysia berkembang 8.9 peratus tahun ke tahun pada ST2 2022 dengan merekodkan kenaikan yang lebih tinggi berbanding 5.0 peratus yang dicatatkan pada ST1 2022. Pada suku tersebut, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 7.5 peratus atau bersamaan 626.6 juta jam untuk merekodkan sejumlah 8.939 bilion jam [Carta 4.1].


**Carta 4.1:** Jumlah jam bekerja, ST1 2019 - ST2 2022



**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Lebih 60 peratus daripada jumlah jam bekerja adalah di sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi dengan tumpuan bilangan guna tenaga yang tinggi. Manakala sumbangan kedua tertinggi bagi jumlah jam bekerja adalah di sektor Pembuatan yang merangkumi 17.7 peratus. Jumlah jam bekerja bagi semua sektor meningkat melebihi pertumbuhan tahun ke tahun suku sebelumnya. Sektor Perkhidmatan mencatatkan kenaikan tertinggi dalam jumlah jam bekerja (+392.2 juta jam), naik 7.7 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Dua subsektor dengan pertumbuhan terbesar adalah Perdagangan borong & runcit dan Perkhidmatan lain. Jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan secara keseluruhannya meningkat 11.3 peratus (+161.1 juta jam) dengan peningkatan tertinggi dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal; diikuti oleh Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan; dan Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan. Selain itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembinaan meningkat daripada 2.3 peratus pada ST1 2022 kepada 8.0 peratus (+60.6 juta jam) pada ST2 2022. Pertumbuhan dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian turut kekal positif dengan masing-masing naik 1.1 peratus dan 4.8 peratus [Carta 4.2].


**Carta 4.2:** Peratus perubahan jumlah jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, ST1 2022 & ST2 2022



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Secara keseluruhan, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per jam bekerja meningkat sebanyak 1.3 peratus pada ST2 2022 selepas memcatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.3 peratus pada ST1 2022, memperoleh nilai sebanyak RM41.00 per jam [Carta 4.3].

**Carta 4.3:** Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2019 - ST2 2022



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Perincian produktiviti buruh mengikut sektor ekonomi, Perkhidmatan adalah satu-satunya sektor yang mencatatkan peningkatan dari segi nilai ditambah per jam bekerja, meningkat sebanyak 4.0 peratus pada ST2 2022. Pertumbuhan tertinggi direkodkan dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (25.4%); diikuti oleh Pengangkutan & penyimpanan (20.6%); dan Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (15.3%). Sementara itu, produktiviti buruh mengikut jam bekerja di subsektor Perdagangan borong dan runcit kembali meningkat dengan catatan 5.7 peratus pada suku tersebut (ST1 2022: -2.6%).

Sebaliknya, nilai ditambah per jam bekerja sektor Pembuatan terus merosot 1.9 peratus selepas memcatatkan penurunan marginal sebanyak 0.1 peratus pada ST1 2022. Walaupun terdapat penurunan dalam kebanyakan subsektor, tiga subsektor mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Minuman dan produk tembakau (20.8%); Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (7.1%); dan Produk elektrik, elektronik dan optikal (3.7%). Selain itu, nilai

ditambah per jam bekerja di sektor Pembinaan menurun sebanyak 5.2 peratus, manakala Perlombongan & pengkuarian dan Pertanian masing-masing turun 5.1 dan 3.5 peratus **[Jadual 4.1]**.

**Jadual 4.1:** Produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, ST2 2022, perubahan peratus dari suku sama tahun sebelumnya (%)


| Aktiviti Ekonomi                                                    | Produktiviti buruh per jam bekerja | Nilai ditambah | Jumlah jam bekerja |
|---------------------------------------------------------------------|------------------------------------|----------------|--------------------|
| <b>Pertanian</b>                                                    | <b>-3.5</b>                        | <b>-2.4</b>    | <b>1.1</b>         |
| <b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>                               | <b>-5.1</b>                        | <b>-0.5</b>    | <b>4.8</b>         |
| <b>Pembuatan</b>                                                    | <b>-1.9</b>                        | <b>9.2</b>     | <b>11.3</b>        |
| Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan     | -7.3                               | 2.6            | 10.7               |
| Minuman dan produk tembakau                                         | 20.8                               | 28.9           | 6.7                |
| Produk tekstil, pakaian dan kulit                                   | -6.9                               | 7.2            | 15.1               |
| Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan                | -6.4                               | 11.7           | 19.4               |
| Produk petroleum, kimia, getah dan plastik                          | -5.5                               | -0.9           | 4.9                |
| Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka | -1.0                               | 10.3           | 11.4               |
| Produk elektrik, elektronik dan optikal                             | 3.7                                | 15.5           | 11.3               |
| Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan                | 7.1                                | 19.9           | 12.0               |
| <b>Pembinaan</b>                                                    | <b>-5.2</b>                        | <b>2.4</b>     | <b>8.0</b>         |
| <b>Perkhidmatan</b>                                                 | <b>4.0</b>                         | <b>12.0</b>    | <b>7.7</b>         |
| Utiliti                                                             | -1.1                               | 4.3            | 5.4                |
| Perdagangan borong dan runcit                                       | 5.7                                | 17.3           | 10.9               |
| Makanan & minuman dan penginapan                                    | 25.4                               | 35.3           | 7.9                |
| Pengangkutan dan penyimpanan                                        | 20.6                               | 35.8           | 12.6               |
| Maklumat dan komunikasi                                             | 1.5                                | 5.9            | 4.4                |
| Kewangan dan insurans                                               | -3.2                               | -1.4           | 1.9                |
| Hartanah dan perkhidmatan perniagaan                                | 15.3                               | 21.7           | 5.6                |
| Perkhidmatan lain                                                   | 0.7                                | 6.3            | 5.6                |
| <b>Jumlah</b>                                                       | <b>1.3</b>                         | <b>8.9</b>     | <b>7.5</b>         |

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 4.2 Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja pada suku kedua 2022

Selari dengan prestasi ekonomi yang lebih baik pada ST2 2022, bilangan pekerja meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada 15.70 juta orang dengan pertambahan sebanyak 493.9 ribu orang. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, selepas naik 0.9 peratus pada ST1 2022, pekerja terus meningkat 0.8 peratus pada ST2 2022 [Carta 4.4].

**Carta 4.4:** Pekerja, ST1 2019 - ST2 2022



**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM


Peningkatan bilangan pekerja pada ST2 2022 didorong oleh pertambahan pekerja dalam tiga sektor utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian.

Pekerja dalam sektor Perkhidmatan meningkat 4.2 peratus (+386.8 ribu) kepada 9.67 juta orang dengan semua subsektor merekodkan peningkatan dalam bilangan pekerja kecuali Kewangan dan insurans. Kenaikan tertinggi adalah dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit; diikuti oleh Makanan & minuman dan penginapan; dan Perkhidmatan lain.

Bagi sektor Pembuatan, pekerja meningkat 4.9 peratus (+127.4 ribu) kepada 2.71 juta orang pada ST2 2022. Berbanding suku sama tahun sebelumnya, bilangan pekerja bertambah dalam kesemua subsektor Pembuatan. Peningkatan tertinggi adalah di subsektor Produk elektrik, elektronik, dan optikal; diikuti oleh subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan; dan prosesan makanan; dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan.

Pekerja dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian naik 1.8 peratus (+1.3 ribu) kepada 75.7 ribu orang pada suku ini. Sementara itu, pekerja dalam sektor Pertanian (-0.7%) dan Pembinaan (-0.5%) kekal menurun pada ST2 2022 [Carta 4.5].


**Carta 4.5:** Peratus perubahan pekerja mengikut aktiviti ekonomi, ST1 2022 & ST2 2022



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Berikutan ekonomi berkembang pada kadar lebih pantas daripada pertumbuhan pekerja, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat sebanyak 5.5 peratus kepada RM23,322 per pekerja pada suku tersebut **[Carta 4.6]**.

**Carta 4.6:** Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2019 - ST2 2022



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

Pada ST2 2022, sektor Perkhidmatan merekodkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih kukuh sebanyak 7.5 peratus dalam produktiviti buruh per pekerja. Empat subsektor mencatatkan kenaikan dua digit iaitu Makanan & minuman dan penginapan (29.4%); Pengangkutan dan penyimpanan (25.3%); Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (18.5%); dan Perdagangan borong & runcit (10.7%).

Produktiviti buruh dalam sektor Pembuatan meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 4.0 peratus pada ST2 2022 berbanding 2.8 peratus pada suku sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan tertinggi dicatatkan dalam subsektor Minuman dan produk tembakau (25.3%); diikuti oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (12.3%); dan Produk elektrik, elektronik dan optikal (10.0%).

Dalam pada itu, nilai ditambah per pekerja dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menurun 1.7 peratus dan 2.2 peratus. Sebaliknya, produktiviti buruh dalam sektor Pembinaan kembali meningkat 2.9 peratus daripada negatif 5.5 peratus pada ST1 2022 [Jadual 4.2].

**Jadual 4.2:** Produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah & jumlah pekerja mengikut aktiviti ekonomi, ST2 2022, perubahan peratus dari suku sama tahun sebelumnya (%)

| Aktiviti Ekonomi                                                    | Produktiviti buruh per pekerja | Nilai ditambah | Jumlah pekerja |
|---------------------------------------------------------------------|--------------------------------|----------------|----------------|
| <b>Pertanian</b>                                                    | <b>-1.7</b>                    | <b>-2.4</b>    | <b>-0.7</b>    |
| <b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>                               | <b>-2.2</b>                    | <b>-0.5</b>    | <b>1.8</b>     |
| <b>Pembuatan</b>                                                    | <b>4.0</b>                     | <b>9.2</b>     | <b>4.9</b>     |
| Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan     | -2.5                           | 2.6            | 5.3            |
| Minuman dan produk tembakau                                         | 25.3                           | 28.9           | 2.9            |
| Produk tekstil, pakaian dan kulit                                   | 0.7                            | 7.2            | 6.4            |
| Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan                | 5.1                            | 11.7           | 6.3            |
| Produk petroleum, kimia, getah dan plastik                          | -3.3                           | -0.9           | 2.5            |
| Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka | 5.6                            | 10.3           | 4.5            |
| Produk elektrik, elektronik dan optikal                             | 10.0                           | 15.5           | 5.0            |
| Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan                | 12.3                           | 19.9           | 6.8            |
| <b>Pembinaan</b>                                                    | <b>2.9</b>                     | <b>2.4</b>     | <b>-0.5</b>    |
| <b>Perkhidmatan</b>                                                 | <b>7.5</b>                     | <b>12.0</b>    | <b>4.2</b>     |
| Utiliti                                                             | 1.0                            | 4.3            | 3.3            |
| Perdagangan borong dan runcit                                       | 10.7                           | 17.3           | 6.0            |
| Makanan & minuman dan penginapan                                    | 29.4                           | 35.3           | 4.5            |
| Pengangkutan dan penyimpanan                                        | 25.3                           | 35.8           | 8.4            |
| Maklumat dan komunikasi                                             | 1.9                            | 5.9            | 3.9            |
| Kewangan dan insurans                                               | -1.0                           | -1.4           | -0.5           |
| Hartanah dan perkhidmatan perniagaan                                | 18.5                           | 21.7           | 2.7            |
| Perkhidmatan lain                                                   | 3.5                            | 6.3            | 2.7            |
| <b>Jumlah</b>                                                       | <b>5.5</b>                     | <b>8.9</b>     | <b>3.2</b>     |

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2022, DOSM

## 5. MENUJU KE HADAPAN

### Luar tenaga buruh: Mewujudkan peluang ke pasaran buruh

Teori pertumbuhan *neoclassical* menyatakan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi dipacu oleh gabungan tiga faktor penggerak iaitu buruh, modal dan teknologi<sup>4</sup>. Bodnar (2018) dalam kajiannya tentang hubungan antara penawaran buruh dan pembangunan guna tenaga bagi kawasan Eropah mendapati peningkatan penawaran buruh dalam kalangan warga emas, wanita dan imigran mempunyai pengaruh signifikan terhadap pertumbuhan guna tenaga khususnya sepanjang tempoh pemulihan ekonomi<sup>5</sup>. Salah satu pemacu yang berpotensi ke arah pengembangan pertumbuhan ekonomi ialah pelanjutan umur persaraan wajib, walaupun ia akan menimbulkan cabaran dalam pewujudan pekerjaan dan penyerapan kemasukan baharu ke dalam pasaran buruh. Walau bagaimanapun, tidak semua orang dalam populasi umur bekerja terlibat aktif dalam pasaran buruh. Selain mereka yang bekerja dan mencari pekerjaan, ada golongan tertentu yang tawar hati atau langsung tidak berminat untuk menjadi sebahagian daripada pasaran buruh yang turut dikenali sebagai luar tenaga buruh<sup>6</sup>.

Menurut ILO (2013), penduduk luar tenaga buruh adalah mereka yang melebihi umur tertentu yang tidak bekerja atau menganggur kerana mengikuti pendidikan dan latihan; komitmen sebagai penjaga dan kerja rumah; pesara atau lanjut usia; atau sebab lain termasuk hilang upaya dan keadaan kesihatan yang kurang baik. Namun begitu, terdapat kumpulan tertentu dalam kalangan penduduk luar tenaga buruh yang mungkin boleh dikaitkan dengan tenaga buruh melalui hubungan mereka dengan pasaran buruh. Mengambil kira situasi ini, ILO (2013) memperkenalkan kategori baharu tenaga buruh yang berpotensi bagi mengenal pasti penduduk yang mempunyai minat dalam pekerjaan. Tiga kumpulan eksklusif tenaga buruh berpotensi adalah pencari kerja yang tidak bersedia, pencari kerja potensi yang bersedia dan pencari kerja berpotensi yang sanggup bekerja<sup>7</sup>.

Melihat kepada senario Malaysia, kira-kira dua pertiga daripada penduduk umur bekerja antara 15 hingga 64 tahun dikenalpasti sebagai tenaga buruh, dengan KPTB antara 62.6 peratus hingga 68.7 peratus bagi tempoh 1982 hingga 2019. Baki satu pertiga daripada penduduk umur bekerja adalah luar tenaga buruh iaitu antara 31.3 peratus hingga 37.4 peratus. Krisis kesihatan awam yang melanda negara pada 2020 telah membawa kepada pelaksanaan sekatan sosial dan ekonomi termasuk penggantungan operasi perniagaan, kuarantin di rumah serta larangan perjalanan rentas negeri dan dalam negeri. Justeru, bilangan luar tenaga buruh meningkat 1.7 peratus kepada 7.23 juta orang pada 2020 selepas mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.1 peratus pada tahun sebelumnya. Berikutan pemberhentian aktiviti ekonomi dan sosial, orang ramai tidak tergesa-gesa dalam membuat keputusan untuk memasuki pasaran buruh. Pada 2021, KDNK pulih kepada 3.1 peratus selepas menguncup 5.5 peratus pada tahun sebelumnya, selaras dengan pendekatan yang lebih bersasar dalam menguruskan COVID-19. Oleh

<sup>4</sup> Corporate Finance Institute. (2022, Mei). *Theories of Growth*. Diambil daripada <https://corporatefinanceinstitute.com/resources/knowledge/economics/theories-of-growth/>.

<sup>5</sup> European Central Bank. (2018, Januari). *Economic Bulletin Issue 1*. Diambil daripada <https://www.ecb.europa.eu/pub/economic-bulletin/html/eb201801.en.html>.

<sup>6</sup> ILOSTAT. (2019, Ogos). *Persons outside the labour force: How inactive are they really?* Diambil daripada <https://ilostat.ilo.org/persons-outside-the-labour-force-how-inactive-are-they-really/>.

<sup>7</sup> International Conference of Labour Statisticians (ICLS). (2013). *Resolution Concerning Statistics of Work, Employment, and Labor Underutilization*. 19th International Conference of Labour Statisticians. Geneva: ILO.

Tiga kategori tenaga buruh berpotensi adalah (a) pencari kerja tidak bersedia yang merujuk kepada orang yang tanpa pekerjaan yang sedang mencari pekerjaan tetapi tidak bersedia; (b) pencari kerja berpotensi bersedia adalah berkaitan dengan orang yang tidak mempunyai pekerjaan, bersedia tetapi tidak mencari pekerjaan; dan (c) pencari kerja berpotensi sanggup bekerja yang terdiri daripada orang yang tidak mempunyai pekerjaan yang tidak mencari atau tidak bersedia untuk pekerjaan tetapi yang ingin diambil bekerja.

itu, bilangan penduduk luar tenaga buruh berkurang marginal 0.1 peratus kepada 7.22 juta orang, meliputi sumbangan sebanyak 31.4 peratus. Perincian mengikut pecahan jantina, lebih daripada dua pertiga atau 68.6 peratus adalah perempuan dengan hampir 50 peratus berada dalam umur 25 hingga 54 tahun. Melihat kepada luar tenaga buruh perempuan dengan sijil tertinggi yang diperoleh, kira-kira 40 peratus mendapat pendidikan menengah manakala kira-kira 20 peratus mempunyai tahap pendidikan minimum pasca menengah. Peralihan kepada endemik ditambah dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara pada awal ST2 2022 telah mengukuhkan sokongan kepada pasaran buruh apabila KPTB meningkat kepada 69.2 peratus, melepasi tahap prapandemik. Sehubungan itu, komposisi luar tenaga buruh berkurang kepada 30.8 peratus kepada 7.26 juta orang pada suku tersebut.

Walaupun bilangan luar tenaga buruh telah meningkat, lebih daripada 40 peratus adalah disebabkan persekolahan/ program latihan (41.1%). Ini menunjukkan perkembangan yang positif bagi Malaysia kerana lebih ramai tenaga buruh berpotensi melanjutkan pelajaran dengan sesetengahnya mungkin memperoleh tahap pendidikan yang lebih tinggi. Setelah tamat latihan dan persekolahan, kumpulan ini akhirnya akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk menyertai pasaran buruh dalam kategori pekerjaan mahir. Pengetahuan dan kemahiran yang dibangunkan boleh menyumbang ke arah peningkatan kecekapan dan produktiviti, seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara. Namun begitu, pewujudan pekerjaan mahir adalah seiring dengan pelaburan dalam teknologi dan inovasi yang memerlukan peralihan struktur ke arah menjadi ekonomi yang bernilai tambah tinggi. Pada ketika ini, dengan memanfaatkan pendigitalan, hampir 30 peratus calon telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan perkhidmatan teknologi dan digital melalui *MyDigitalWorkforce Work in Tech* (MYWiT)<sup>8</sup>.

Satu lagi sebab utama berada di penduduk luar tenaga buruh adalah tanggungjawab kerja rumah/ keluarga dan sumbangan 45.2 peratus pada 2021. Perempuan merangkumi lebih daripada 90 peratus dalam kategori ini. Menyedari potensi populasi ini dalam menyumbang kepada ekonomi, langkah telah diambil oleh kerajaan untuk merangsang penyertaan perempuan yang lebih tinggi dalam pasaran buruh. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), dasar sokongan sosial diperkenalkan untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian melalui aktiviti ekonomi di rumah di samping sambil meneruskan tanggungjawab terhadap keluarga. Pandemik telah mempercepatkan penggunaan teknologi digital dalam mengubah operasi perniagaan di rumah seperti memperluas perniagaan dalam talian selain jualan barangan kepada penyediaan perkhidmatan. Oleh itu, peluang ini boleh direbut oleh perempuan di luar tenaga buruh dalam mengembangkan potensi mereka, dengan beralih dari luar tenaga buruh bagi menjalankan dua peranan iaitu sebagai pekerja dan penjaga. Di samping itu, usaha sedang dilakukan untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan wanita. Contohnya ialah Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) yang membantu dan meningkatkan kapasiti perniagaan untuk hampir 300 usahawan wanita yang terjejas akibat COVID-19.

Melihat kepada transisi kepada fasa endemik, pekerjaan tidak lagi terikat dengan waktu kerja tradisional, kemudahan atau majikan. Ramai orang kini boleh bekerja dengan majikan di luar negara tanpa perlu tinggal berhampiran. Aturan kerja hibrid membolehkan pekerja untuk bekerja di mana-mana dan pada bila-bila masa seperti biasa. Bentuk kerja baharu ini mungkin menarik minat mereka yang keluar daripada pasaran buruh pada usia yang lebih muda kerana tanggungjawab keluarga untuk kembali bekerja. Berkaitan perkara tersebut, KPTB perempuan adalah tertinggi bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, mencatatkan 79.1 peratus pada ST2 2022. Kadar ini mula berkurang pada umur 35 hingga 44 tahun (73.2%) dan terus menurun kepada 55.6 peratus bagi kumpulan umur 45 hingga 54 tahun. Kumpulan umur tertua iaitu 55 hingga 64 tahun merekodkan KPTB sebanyak 24.2 peratus. Berhubung perkara ini, penyediaan sokongan bagi penjagaan anak oleh majikan boleh membina persekitaran yang selesa untuk ibu bapa yang bekerja dan seterusnya

<sup>8</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2022). Laporan Tenaga Buruh, Jun 2022.

menggalakkan lebih banyak penyertaan buruh terutamanya dalam kalangan perempuan. Malahan, RMK-12 turut menyatakan bahawa undang-undang baharu akan diperkenalkan untuk mewajibkan majikan menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak.

Selain itu, portal pekerjaan nasional iaitu MYFutureJobs memudahkan proses pencarian pekerjaan dan membantu bakal majikan untuk mendapatkan pekerja. Selain kesan positif terhadap kadar guna tenaga, inisiatif ini juga akan meningkatkan KPTB. Selain itu, peluang pembelajaran berasaskan kerja dan perantisan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak sama ada melalui sokongan kerajaan atau secara bebas akan membawa lebih ramai penduduk luar tenaga buruh ke dalam pasaran buruh.

Kesimpulannya, sebilangan besar penduduk luar tenaga buruh mempunyai potensi besar untuk memasuki pasaran buruh. Pengintegrasian yang lancar bagi peralihan luar tenaga buruh ke dalam ekonomi memerlukan kerjasama pintar dalam kalangan pihak berkepentingan. Oleh itu, dalam memastikan usaha mengukuhkan penawaran dan permintaan adalah tidak sia-sia, strategi yang baik diperlukan bagi penawaran buruh yang berkualiti dan permintaan buruh yang tinggi sekaligus membolehkan tenaga buruh diambil bekerja.

## 6. KESIMPULAN

Seiring dengan peralihan Malaysia ke fasa endemik mulai awal ST2 2022, prestasi pasaran buruh negara pada suku tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding asas yang rendah berikutan penutupan menyeluruh pada suku yang sama tahun 2021. Dari segi penawaran buruh, tenaga buruh pada ST2 2022 mencatatkan pertumbuhan kukuh tahun ke tahun berikutan pertumbuhan yang tinggi guna tenaga manakala pengangguran kekal dengan trend penurunan mencatatkan jumlah dan kadar terendah selepas ST1 2020. Normalisasi aktiviti sosial dan ekonomi yang berterusan sepanjang ST2 2022 telah mendorong kepada peningkatan jumlah jam bekerja dan seterusnya merangsang permintaan buruh mengikut sektor ekonomi yang mana bilangan jawatan terus meningkat pada suku tersebut. Walaupun peningkatan dalam permintaan buruh adalah disebabkan terutamanya oleh pertambahan yang ketara dalam bilangan jawatan diisi, bilangan kekosongan turut mencatatkan peningkatan yang tinggi, menunjukkan terdapat lebih banyak kekosongan yang perlu diisi berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sehubungan itu, bilangan pewujudan jawatan juga terus bertambah berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Dari segi kecekapan pasaran buruh, kedua-dua pengukuran produktiviti buruh iaitu nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja merekodkan prestasi yang lebih baik berbanding suku sama pada tahun 2021.

Walaupun aktiviti ekonomi telah kembali beroperasi dengan kapasiti penuh berikutan kebanyakan sekatan sosial telah ditarik balik, kerajaan secara berterusan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu mereka yang terjejas akibat daripada krisis kesihatan awam. Ini termasuk inisiatif mengekalkan pekerjaan melalui pemberian subsidi gaji kepada pemilik perniagaan dalam sektor pelancongan yang mengalami pengurangan pendapatan; usaha berterusan untuk menyediakan peluang pekerjaan melalui perkongsian pintar dengan industri dalam bentuk penempatan dan latihan; serta pembangunan dan latihan keusahawanan sebagai satu peluang untuk menjana pendapatan. Selain strategi jangka pendek untuk membantu kumpulan yang terjejas, penekanan juga diberikan untuk menggalakkan penggunaan teknologi dan automasi dalam kalangan pertubuhan mikro, kecil dan sederhana.

Memasuki suku ketiga 2022, didapati keadaan telah hampir kembali normal berikutan orang ramai semakin menyesuaikan diri dengan hidup bersama COVID-19. Selain dari perjalanan untuk pulang ke kampung halaman masing-masing bagi sambutan Hari Raya Aidiladha di seluruh negara, ramai juga yang mengambil kesempatan tempoh cuti panjang pada minggu pertama bulan Julai untuk meluangkan masa bersama keluarga dan rakan-rakan dengan mengunjungi destinasi menarik di negara ini. Lanjutan daripada pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia pada bulan Jun, institusi pengajian tinggi dibuka bagi pendaftaran program asasi dan matrikulasi. Hal ini, antara lain dijangka akan menyebabkan peningkatan trafik serta tambahan perbelanjaan sebagai persediaan melanjutkan pelajaran. Selain itu, sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia masing-masing pada penghujung Ogos dan pertengahan September juga dijangka akan meningkatkan pelancongan domestik serta aktiviti sosial dan rekreasi. Kesemua ini dijangka akan mendorong situasi ekonomi yang memberangsangkan pada ST3 2022, dan seterusnya meningkatkan permintaan buruh oleh industri.

Selepas merekodkan prestasi yang baik pada separuh tahun pertama 2022, momentum pasaran buruh negara dijangka akan kekal positif dalam beberapa bulan akan datang berikutan situasi pandemik yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk kepada cabaran global dan domestik termasuk kekurangan guna tenaga dalam sektor tertentu.

## Pengenalan

Struktur ekonomi Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Secara khususnya, ekonomi telah berkembang dari kebergantungan yang tinggi kepada sektor yang berasaskan komoditi seperti sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian pada awal era pasca kemerdekaan sehingga tahun 1970-an; dan seterusnya beralih kepada industri sekunder yang merangkumi Pembinaan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian pada 1980-an dan 1990-an (Mohd Ikhwan et al., 2021). Pada ketika ini, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negara manakala sektor Pembuatan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi (Mohd Ikhwan et al., 2021).

Sektor Pembinaan mula berkembang pada awal 1990-an, iaitu sejurus selepas pelancaran Wawasan 2020. Walaupun sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) agak kecil berbanding sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian, ia telah menjadi salah satu sektor yang paling penting dalam ekonomi Malaysia. Purata sumbangan nilai ditambah sektor Pembinaan kepada KDNK dalam tempoh tiga dekad terakhir dari 1991 hingga 2021 adalah 3.9 peratus. Sementara itu, purata sumbangan bagi sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian masing-masing adalah sebanyak 52.2 peratus, 26.0 peratus dan 9.2 peratus. Namun begitu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (2018) melihat kepentingan peranan sektor Pembinaan melalui kebergantungan dan hubungan sektor ini dengan lebih 120 industri; sekali gus terbukti menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Malaysia merupakan salah satu negara di Asia Tenggara yang membangun paling pesat sejak 1980-an, mencatatkan purata pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.0 peratus di antara tahun 1986 hingga 1996 (Hays, 2022). Selain daripada memberi tumpuan terhadap pengukuhan sektor Pembuatan, tempoh tersebut turut menyaksikan usaha besar-besaran yang telah mentransformasikan infrastruktur negara dengan salah satu projek mega adalah pembangunan Lebuh raya Utara-Selatan. Pelaburan yang besar juga bagi beberapa projek mega yang telah mengubah landskap fizikal negara iaitu Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Litar Antarabangsa Sepang, Koridor Raya Multimedia, empangan hidroelektrik Bakun dan pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran persekutuan baharu (Hays, 2022). Semua ini memberi pelbagai kesan limpahan yang mana sehingga ke hari ini masih menyumbang ke arah kemajuan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan Malaysia tidak terlepas daripada impak sekatan sosioekonomi yang telah dilaksanakan pada bulan Mac 2020 bagi membendung penularan COVID-19 di negara ini. Aktiviti pembinaan yang merangkumi kejuruteraan awam serta pembinaan bangunan kediaman dan bukan kediaman terhenti pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Meskipun kebenaran untuk beroperasi diberikan tidak lama selepas itu, masih terdapat cabaran berikutan jumlah jangkitan COVID-19 harian yang tinggi di tapak pembinaan. Selanjutnya, penutupan sempadan antarabangsa negara sejak 2020 serta program Rekalibrasi Pulang yang dilancarkan pada 2021 telah menimbulkan satu lagi cabaran kepada sumber manusia. Menurut Li (2022), lebih daripada RM42 bilion kerugian ditanggung secara kolektif sejak dua tahun lalu. Oleh itu, sektor Pembinaan bersedia untuk memulakan proses pemulihan ketika negara menasakarkan untuk beralih ke fasa endemik. Projek Laluan Transit Aliran Massa 3 (MRT3) bernilai RM31 bilion yang bermula pada tahun ini dilihat sekali

lagi akan menyumbang kepada pengukuhan sektor Pembinaan dalam ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, Li (2022) menegaskan bahawa gangguan dalam rantai bekalan dan kenaikan kos bahan binaan yang dicetuskan oleh pencerobohan Rusia ke Ukraine mungkin menjejaskan pemulihan sektor Pembinaan.

CIDB (2019) mendapati bahawa sektor Pembinaan banyak bergantung kepada tenaga buruh asing yang berkemahiran rendah terutamanya dari Indonesia, Bangladesh, Vietnam, Myanmar dan Nepal. Hal ini disebabkan oleh kos buruh yang lebih rendah, ketersediaan berterusan serta fleksibiliti yang lebih tinggi terhadap keadaan kerja (CIDB, 2019). Hal ini telah mencetuskan kebimbangan terhadap kebergantungan berterusan yang akan menyebabkan tahap kemahiran yang rendah dalam kalangan pekerja serta melambatkan penggunaan teknologi baharu, yang mana memberi kesan buruk kepada kualiti produk dan perkhidmatan pembinaan negara. Kebergantungan berterusan terhadap tenaga buruh asing berkemahiran rendah menjadi halangan kepada aspirasi negara untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan mahir termasuk menggalakkan industri untuk bergerak ke arah automasi dan mekanisasi. Ianya mungkin akan menghalang transisi ke arah teknologi dan akhirnya menyebabkan kelekutan pertumbuhan produktiviti dan upah. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengkaji struktur permintaan dan penawaran buruh dalam sektor Pembinaan di Malaysia.

## **Sorotan Kajian**

Sektor Pembinaan merupakan satu aspek penting dalam pertumbuhan ekonomi negara memandangkan sektor ini berkait rapat dengan industri yang lain (Alaloul, et al., 2021; CIDB, 2015). Walau bagaimanapun, Oseghale et al. (2015) percaya bahawa ketersediaan tenaga buruh mahir dalam sektor ini akan memudahkan peningkatan output dan hasil. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian terdahulu oleh Ward (1979) mendapati bahawa setiap pekerja mahir bukan sahaja akan memberi manfaat kepada sektor tertentu, tetapi akan memberikan kelebihan secara langsung kepada keseluruhan ekonomi. Oleh itu, sebarang kekurangan tenaga buruh mungkin akan menjejaskan aktiviti sektor Pembinaan yang mana akan memberi kesan terhadap prestasi ekonomi negara. Sementara itu, Othman (2014) menyatakan bahawa kekurangan tenaga buruh mahir memberi kesan yang serius terhadap produktiviti dan kelancaran projek pembinaan; oleh itu tindakan segera perlu dilaksanakan untuk menyelesaikan isu tersebut.

Kecukupan dan ketersediaan tenaga buruh mahir terus menjadi isu utama dalam sektor ini. Menurut Healy et al. (2011), kekurangan tenaga buruh mahir adalah isu yang rumit di mana ia mempengaruhi prestasi aktiviti pembangunan. Windapo (2016) turut bersetuju bahawa majoriti kegagalan projek adalah akibat kekurangan tenaga buruh mahir. Ekonomi akan mengalami kesukaran untuk meningkatkan nilai rantai tanpa bilangan tenaga buruh mahir yang lebih ramai dan tidak mampu menarik pelaburan yang besar (Zunaira, 2016). Kajian yang dilaksanakan oleh Hussain et al. (2020) berkaitan dengan kesan buruh mahir dan tidak mahir terhadap prestasi projek dengan menggunakan pendekatan pemodelan persamaan struktur mendapati bahawa buruh tidak mahir mempunyai kesan negatif yang signifikan terhadap prestasi projek ketika fasa pembinaan. Hasil kajian turut mengesahkan bahawa tenaga buruh mahir mempunyai impak positif yang signifikan terhadap prestasi projek dalam mempertingkatkan kadar kejayaan projek dalam industri pembinaan awam (Hussain et al., 2020).

Menurut Kanapathy (2006), awal 1970-an menyaksikan kebergantungan Malaysia kepada pekerja imigran berkemahiran rendah dan separuh mahir di rantau Asia Tenggara untuk mengekalkan pembangunan dan membantu dalam mentransformasi struktur ekonomi. Ketika negara terus mengembangkan asas pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tumpuan

kepada perindustrian, aliran masuk pekerja asing telah dimanfaatkan di jawatan sukar diisi dalam sektor tertentu (Kanapathy, 2006). Kanapathy (2006) turut melaporkan persepsi umum pelbagai pihak mengenai pekerja asing sebagai pelengkap kepada pekerja tempatan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang luar biasa dalam tempoh tersebut, namun turut menyebabkan pelbagai impak luar jangka kepada pasaran buruh, sosial dan politik. Hal ini tidak terhad kepada pertumbuhan gaji yang perlahan memandangkan ketersediaan pekerja asing berkemahiran rendah boleh menggantikan pekerja tempatan dengan mudah. Narayanan dan Lai (2010) turut percaya bahawa peningkatan pekerja asing menghalang kenaikan upah benar semua pekerja, terutamanya upah pekerja yang tidak mahir.

Kajian oleh Abdul Rahim et al. (2011) merumuskan bahawa keperluan buruh migran berkemahiran rendah akan berterusan selagi penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja dan menerima tawaran gaji yang rendah dalam sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menyatakan bahawa keengganan rakyat tempatan untuk bekerja di sektor ini bukan disebabkan oleh kadar upah yang rendah, tetapi kerana stigma sosial terhadap situasi pekerjaan yang disifatkan sebagai berbahaya, kotor dan mencabar (3D) (Kumar, 2016).

Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang melaksanakan polisi demi manfaat ekonomi. Kerajaan dan organisasi industri di Kanada mengesyorkan keperluan pekerja asing mahir bagi menangani kekurangan tenaga buruh negara tersebut berikutan penuaan penduduk (McMullin et al., (2004). Walau bagaimanapun, McMullin et al. (2004) berpendapat bahawa strategi itu mungkin hanya dapat memperbaiki permasalahan itu dalam jangka pendek dan tidak menyelesaikan punca kepada masalah tersebut. Martin (2007) menyatakan bahawa Thailand mengambil pekerja asing dari Myanmar, Lao PDR dan Kemboja untuk menangani kekurangan tenaga buruh dan mengisi pekerjaan baharu yang diwujudkan di negara ini. Selaras dengan Pelan Thailand 4.0, kerajaan melancarkan program Smart Visa pada pertengahan Januari 2018 untuk mengambil pekerja berkemahiran tinggi dalam sepuluh industri utama yang dikenal pasti dalam negara tersebut (Cha-um, 2018).

Melihat isu kekurangan tenaga buruh dalam sektor Pembinaan secara spesifik, Singapura amat bergantung kepada buruh asing dari India dan Bangladesh dengan lebih 330,000 migran bekerja di sektor ini sebelum pandemik COVID-19 (Pertusini, 2021). Sejak pandemik, kegusaran kesihatan awam telah menjadi cabaran bagi negara untuk mengekalkan jumlah pekerja yang sama dalam memacu sektor Pembinaan Singapura. Bernama (2022) melaporkan bahawa Singapura secara beransur-ansur membuka peluang kepada pekerja asing berkemahiran tinggi selepas pandemik, terutamanya dalam bidang teknologi kewangan yang mempunyai permintaan tinggi manakala mengurangkan pengeluaran permit kerja untuk pekerja berkemahiran rendah seperti runcit dan perhotelan. Sebaliknya, Jepun menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh yang kronik dalam sektor Pembinaan kerana transisi demografi menyebabkan penyusutan dan penuaan penduduk di negara itu (Reuters, 2021). Walaupun Jepun sebelum ini tegas dalam dasar imigresennya, negara itu telah mempertimbangkan untuk membenarkan kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah dan separuh mahir mulai tahun 2022 dan ke hadapan (Al-Jazeera, 2021). Sebelum itu, undang-undang yang berkuat kuasa pada tahun 2019 telah membenarkan pemberian visa kepada kumpulan pekerja mahir tertentu di 14 bidang termasuk pembinaan, pertanian, penjagaan kejururawatan dan sanitasi (Reuters, 2021).

## Sumber data

Kajian ini menggunakan statistik rasmi siri masa yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu Produktiviti Buruh, Survei Tenaga Buruh, Statistik Guna Tenaga dan Statistik Pembinaan Suku Tahunan. Di samping itu, penulis membuat sorotan kajian daripada jurnal artikel, laporan dan kertas kerja dari laman web yang mendokumenkan maklumat tersebut untuk sebaran. Sumber-sumber ini dianggap sebagai data sekunder.

Kesemua statistik guna tenaga serta sumbangan pekerja warganegara dan bukan warganegara dalam sektor Pembinaan adalah bersumberkan laporan tahunan Survei Tenaga Buruh (STB). STB dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah dengan liputan tempat kediaman persendirian untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. Sementara itu, statistik guna tenaga, nilai ditambah dan produktiviti buruh mengikut aktiviti ekonomi diperoleh daripada Produktiviti Buruh yang diterbitkan setiap suku tahun. Guna tenaga didefinisikan sebagai mereka yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam seminggu untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga; sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri dan pekerja keluarga tanpa gaji. Guna tenaga juga merangkumi mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, atau mereka tidak bekerja tetapi mempunyai pekerjaan untuk kembali. Nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi didefinisikan sebagai perbezaan antara output dan penggunaan perantaraan. Ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima. Produktiviti buruh boleh didefinisikan sebagai jumlah barangan dan perkhidmatan, atau output yang dihasilkan untuk setiap unit input buruh. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah.


Dari segi permintaan buruh oleh sektor ekonomi, statistik guna tenaga, jawatan diisi dan kekosongan diperoleh daripada Statistik Guna Tenaga. Survei Guna Tenaga Suku Tahunan dijalankan mengikut pendekatan pertubuhan untuk mengumpul maklumat mengenai permintaan buruh daripada pertubuhan formal sektor swasta di negara ini. Jawatan yang terdiri daripada jawatan diisi dan kekosongan, merujuk kepada jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Jawatan diisi ditakrifkan sebagai pekerjaan kepada pekerja di pertubuhan manakala kekosongan merujuk kepada pekerjaan yang belum diisi. Jawatan tertentu dianggap kosong sekiranya ia sedia untuk diisi dan majikan sedang aktif mencari calon melalui pelbagai kaedah.

Industri didefinisikan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang disediakan berasaskan *International Standard Industrial Classification of All Economics Revision 4*. Berdasarkan klasifikasi ini, Pembinaan merangkumi aktiviti pembinaan am dan khas bagi bangunan dan kerja-kerja kejuruteraan awam, merangkumi kerja-kerja baharu, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan (DOSM, 2008). Sementara itu, statistik nilai kerja Pembinaan diperoleh daripada Statistik Pembinaan Suku Tahunan. Survei Pembinaan Suku Tahunan dijalankan berdasarkan pendekatan projek dan meliputi kontraktor utama yang dianugerahkan dengan sesuatu projek.

## Penemuan

Bagi tempoh sembilan tahun dari 2010 hingga 2019, jumlah guna tenaga di Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun antara 0.7 peratus hingga 5.7 peratus. Sehubungan itu, bilangan guna tenaga bertambah daripada 11.90 juta pada 2010 kepada lebih daripada 15 juta orang pada 2019. Walau bagaimanapun, bilangan guna tenaga berkurang sebanyak 0.8 peratus pada 2020 terutamanya disebabkan oleh sekatan sosial dan ekonomi yang dilaksanakan secara menyeluruh untuk membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini. Namun, pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara mulai Julai 2021 telah sedikit sebanyak meredakan cabaran ekonomi dan pasaran buruh. Oleh itu, jumlah guna tenaga meningkat 0.7 peratus pada 2021 menjadikan bilangannya hampir menyamai paras yang dicatatkan sebelum pandemik pada 2019 [Carta 1].


**Carta 1:** Guna tenaga, 2010 - 2021



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, DOSM

Walaupun terdapat peningkatan marginal jumlah guna tenaga pada 2021, analisis selanjutnya mengikut sektor ekonomi mendapati bahawa sektor Pembinaan merekodkan pengurangan guna tenaga. Penurunan guna tenaga dalam sektor Pembinaan telah berlaku sejak 2019 dan berterusan pada 2020 memandangkan sektor ini dikelaskan sebagai sektor tidak penting pada permulaan PKP dan seterusnya berdepan dengan pelbagai cabaran kesihatan dan pasaran buruh. Guna tenaga dalam sektor ini mencatatkan penurunan yang kecil sebanyak 1.0 peratus pada 2021 [Carta 2].


**Carta 2:** Peratus perubahan tahunan guna tenaga mengikut aktiviti ekonomi 2018 - 2021



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, DOSM

Pecahan guna tenaga warganegara dan bukan warganegara dalam sektor Pembinaan menunjukkan bahawa komposisi penduduk bekerja bukan warganegara dalam sektor Pembinaan adalah antara 23.2 peratus hingga 27.5 peratus dari 2011 hingga 2019. Komposisi ini menyusut kepada 18.2 peratus pada 2020 dan seterusnya menyumbang 16.7 peratus daripada guna tenaga sektor Pembinaan pada 2021. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah penurunan bilangan guna tenaga dalam sektor ini pada 2021 adalah berikutan kejatuhan 9.2 peratus penduduk bekerja bukan warganegara selepas berkurang sebanyak 25.6 peratus pada tahun 2020 [Carta 3].

**Carta 3:** Guna tenaga mengikut kewarganegaraan di sektor Pembinaan, 2011 - 2021




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia DOSM

Dari perspektif permintaan buruh, sejajar dengan penurunan bilangan guna tenaga bagi sektor Pembinaan sejak 2020, bilangan jawatan diisi dalam ekonomi juga berkurang bagi tempoh dua tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, peluang pekerjaan yang digambarkan berdasarkan bilangan kekosongan pulih dengan pertumbuhan 3.7 peratus pada 2021 selepas turun 7.0 peratus pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, kadar kekosongan meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 1.8 peratus pada tahun 2021. Statistik terkini sehingga suku kedua 2022 menunjukkan bahawa kekosongan dalam sektor Pembinaan meningkat sebanyak 9.2 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya. Sebaliknya, jawatan diisi merekodkan penurunan marginal berbanding suku kedua 2021. Ini juga boleh menjadi isyarat kepada permintaan buruh yang tidak dipenuhi dalam sektor Pembinaan [Carta 4].


Penilaian lanjut berhubung peluang pekerjaan dalam sektor Pembinaan mengikut kategori kemahiran mendapati bahawa komposisi kekosongan jawatan mahir dalam sektor ini adalah 22.0 peratus pada 2021. Sumbangannya menunjukkan pengurangan yang agak besar berbanding lebih daripada 25 peratus dalam tempoh 2018 hingga 2019. Sehingga suku kedua 2022, sumbangan kekosongan kategori mahir di sektor Pembinaan adalah 20.7 peratus. Sementara itu, kekosongan bagi jawatan berkemahiran rendah merangkumi 21 hingga 23 peratus daripada jumlah kekosongan di sektor Pembinaan. Lebih separuh daripada kekosongan dalam sektor ini tertumpu dalam jawatan separuh mahir, mencatatkan 57.0 peratus pada 2021. Dapat diperhatikan bahawa peningkatan dalam bilangan kekosongan sektor Pembinaan pada 2021 adalah disebabkan oleh peningkatan kekosongan bagi ketiga-tiga kategori kemahiran. Sehingga suku kedua 2022, kekosongan jawatan kekal tinggi berbanding suku sama pada 2021 [Carta 5].

**Carta 4:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut aktiviti ekonomi, 2018 - 2021 & ST1 - ST2 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, DOSM


**Carta 5:** Kekosongan dalam sektor Pembinaan mengikut kemahiran, 2018 - 2021 & ST1 - ST2 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, DOSM

Melihat kepada output sektor Pembinaan, KDNK menyederhana kepada 0.4 peratus pada 2019 selepas tumbuh sebanyak 4.0 peratus pada 2018. Pada 2020, KDNK bagi sektor Pembinaan menyusut 19.3 peratus dan mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih baik pada tahun berikutnya (-5.2%). Suku kedua 2022 menyaksikan KDNK pulih buat kali pertama sejak pandemik, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus. Produktiviti buruh per pekerja jatuh 15.6 peratus pada 2020 dan kekal dengan trend menurun walaupun pada kadar negatif yang lebih perlahan (-4.3%), menyebabkan pengeluaran output yang lebih rendah semasa pandemik. Produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Pembinaan pulih 2.9 peratus pada suku kedua 2022. Bagi produktiviti buruh per jam bekerja, nilainya turun 5.0 peratus pada 2020 dan kekal pada trend negatif sehingga suku kedua 2022 [Carta 6].


**Carta 6:** KDNK dan Produktiviti Buruh, Sektor Pembinaan, 2018 - 2021 & ST1 - ST2 2022



**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, DOSM

Melihat kepada potensi pemulihan dalam sektor Pembinaan, bilangan projek pembinaan di Malaysia mencapai rekod tertinggi sebanyak 17,413 projek pada suku keempat 2021. Bilangannya pada suku kedua 2022 adalah sebanyak 16,619 (DOSM, 2022). Berbanding suku sama tahun sebelumnya, nilai kerja Pembinaan meningkat semula sebanyak 6.1 peratus pada suku kedua 2022 kepada RM29.9 bilion, selepas merekodkan kejatuhan tiga suku berturut-turut. Nilai yang lebih tinggi telah direkodkan semasa pandemik pada 2022 iaitu sekitar RM31 bilion [Carta 7].

**Carta 7:** Nilai kerja pembinaan, ST1 2019 - ST2 2022



**Sumber:** Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Malaysia, DOSM

## Perbincangan & Kesimpulan

Implikasi positif dan negatif kebergantungan kepada pekerja asing separuh mahir dan berkemahiran rendah telah dibincangkan dan diujahkan untuk tempoh masa yang agak lama. Pada sisi positif, kehadiran pekerja asing telah mendorong industrialisasi di Malaysia dan seterusnya mempercepat pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan. Ia telah berjaya menangani kekurangan tenaga buruh dalam tugas dan subsektor tertentu terutamanya yang dianggap sebagai 3D. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa yang lebih panjang, kebergantungan berterusan dilihat sebagai ancaman kerana industri terus mengambil pekerja asing berkemahiran rendah dan sederhana berbanding peralihan kepada penggunaan teknologi dan inovasi serta pewujudan jawatan mahir. Walaupun dilihat seperti satu pendekatan yang menjimatkan dalam jangka masa pendek, ianya akan menjadi cabaran ke arah pertumbuhan hasil yang lebih tinggi dan margin keuntungan yang lebih besar. Melihat kepada kesannya kepada bekalan buruh tempatan, ketidakupayaan untuk mewujudkan jawatan mahir boleh menyebabkan peningkatan pengangguran dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran dalam kalangan belia dan graduan serta kelekitan gaji.

Strategi Malaysia ke arah mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing telah dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) (2001-2005) selaras dengan aspirasi untuk meningkatkan rantai nilai kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Malah, kerajaan telah menetapkan matlamat untuk mengehadkan pekerja asing kepada tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah tenaga buruh dalam dua rancangan Malaysia terkini iaitu RMKe-11 dan RMKe-12. Seterusnya, inisiatif ini berjaya mengekalkan komposisi guna tenaga bukan warganegara di bawah paras 15 peratus. Sehingga 2021, penduduk bekerja bukan warganegara adalah 1.9 juta orang, merangkumi sekitar 12.7 peratus daripada keseluruhan guna tenaga negara. Walaupun penurunan ini boleh dikaitkan dengan keberkesanan strategi jangka sederhana yang digariskan oleh negara, tidak dapat dinafikan bahawa COVID-19 telah menjadi pemangkin utama pengurangan ini.

Sektor Pembinaan di Malaysia masih bergantung kepada pekerja asing terutamanya dalam tugas 3D yang lebih berorientasikan buruh. Oleh itu, penutupan serta-merta sempadan antarabangsa negara dan sekatan ekonomi bagi meratakan gelombang ancaman kesihatan COVID-19 pada tahun 2020 telah mengakibatkan penurunan mendadak produktiviti buruh dan seterusnya nilai ditambah dalam sektor ini. Menyedari hal ini, para penggiat utama sektor Pembinaan dan kerajaan telah mengkaji semula sekatan tersebut dan serta menyediakan prosedur operasi standard untuk memastikan sektor ini beroperasi semasa pandemik. Walau bagaimanapun, keadaan kesihatan masih tidak membenarkan operasi penuh sektor ini berikutan jumlah jangkitan yang tinggi dalam kalangan pekerja di tapak pembinaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa pekerja asing telah banyak membantu dalam menangani defisit buruh di sektor Pembinaan negara. Walau bagaimanapun, selaras dengan Dasar Pembinaan Negara 2030, penggunaan mekanisasi dan automasi yang lebih luas seperti Sistem Binaan Berindustri, Pemodelan Maklumat Bangunan dan pembinaan modular diperlukan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Malaysia telah mewujudkan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2021-2025), yang bertujuan untuk mengubah sektor Pembinaan kepada sektor yang pintar, mapan dan produktif dengan pelaksanaan teknologi Revolusi Industri 4.0 (CIDB, 2020). Inovasi dan peralihan ke arah penggunaan realiti imbuhan dan realiti maya juga merupakan beberapa pilihan yang boleh dipertimbangkan dalam mendorong amalan Pembinaan mampan. Selanjutnya, peningkatan penggunaan bahan binaan hijau yang mesra alam akan memastikan industri Pembinaan kekal relevan dalam jangka panjang. Terdapat insentif untuk menggalakkan lebih ramai penggiat

industri menggunakan teknologi pembinaan terkini, serta penganjuran program latihan semula, peningkatan kemahiran dan akreditasi untuk membangunkan bakat tempatan berkemahiran. Sementara itu, kesan negatif kebergantungan kepada pekerja asing mungkin dapat dikawal dengan mengenakan levi, memperbaiki institusi tadbir urus dan dasar migrasi, mempelbagaikan sumber buruh dan membasmi kemasukan migran secara tidak sah. Strategi ini mungkin dapat menarik lebih ramai pekerja tempatan untuk menyertai sektor ini dan meminimumkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing berkemahiran rendah.

## Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili DOSM.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Nur Layali Mohd Ali Khan dan Noraliza Mohamad Ali dari Biro Statistik Buruh Malaysia yang telah menyumbangkan pandangan, kepakaran dan bimbingan dalam penghasilan dan penambahbaikan artikel ini.

## Rujukan

- Abdul Rahim, A. H., Bachan, S., Aminah, Y., & Nur Ashikin, M. A. (2011). The Employment of Foreign Workers at Construction Sites. *In 2nd International Conference on Construction and Project Management* (Vol. 15, pp. 126-132).
- Alaloul, W. S., Musarat, M. A., Rabbani, M. B. A., Iqbal, Q., Maqsoom, A., & Farooq, W. (2021). Construction sector contribution to economic stability: Malaysian GDP distribution. *Sustainability*, 13(9), 5012.
- Al-Jazeera (2021). Japan mulls indefinite stay for blue-collar foreign workers. Al Jazeera. <https://www.aljazeera.com/economy/2021/11/18/japan-mulls-indefinite-stay-for-blue-collar-foreign-workers>
- BERNAMA (2022). Singapore to adjust foreign worker policies from Sept 1, 2022. Bernama.com. <https://www.bernama.com/en/world/news.php?id=2053500>
- Cha-Um, T., & Ramgomut, W. (2018). Thailand - "Smart Visa" Designed to Attract Highly-Skilled Professionals. KPMG.
- Construction Industry Development Board (CIDB, 2015). Construction Industry Transformation Plan (CITP) 2016-2020. Kuala Lumpur
- CIDB (2018). Cost Benefit Analysis for Industrial Building System in Malaysia. Kuala Lumpur
- CIDB (2019). Rethinking Affordable Housing in Malaysia: Issues and Challenges. Kuala Lumpur
- CIDB (2020). IR4.0 in Construction | Construction Industry Development Board. Cidb.gov.my. <https://www.cidb.gov.my/en/construction-info/technology/ir40-construction>
- Department of Statistics, Malaysia (DOSM, 2008). Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC) Ver. 1.0. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- Hays, J. (2022). Facts and Details: Malaysian Economy Under Mahathir. Retrieved from Facts and Details: [https://factsanddetails.com/southeast-asia/Malaysia/sub5\\_4a/entry-3627.html](https://factsanddetails.com/southeast-asia/Malaysia/sub5_4a/entry-3627.html)
- Healy, J., Mavromaras, K. G., & Sloane, P. J. (2011). Adjusting to skill shortages: complexity and consequences. IZA Discussion Papers, No. 6097.
- Hussain, S., Xuetong, W., & Hussain, T. (2020). Impact of skilled and unskilled labor on

- project performance using structural equation modeling approach. *Sage Open*, 10(1), <https://doi.org/10.1177/2158244020914590>
- Kanapathy, V. (2006). Towards and east asian cooperation framework for migrant labour. *In Workshop on an East Asian Cooperation Framework for Migrant Labour*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kumar, K. (2016). Malaysians shun “3D” jobs because of social stigma, not low wages, employers say. *Malaymail.com*; *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/02/17/malaysians-shun-3d-jobs-because-of-social-stigma-not-low-wages-employers-sa/1062173>
- Li, K. S. (2022). Special Report: Cost, labour headwinds threaten construction’s recovery. *The Edge Malaysia Weekly*. <https://www.theedgemarkets.com/article/special-report-cost-labour-headwinds-threaten-constructions-recovery>
- Martin, P. (2007). The economic contribution of migrant workers to Thailand: Towards policy development. Bangkok: ILO.
- McMullin, J. A., Cooke, M., & Downie, R. (2004). Labour force ageing and skill shortages in Canada and Ontario. Canadian Policy Research Networks Incorporated (CPRN).
- Mohd Ikhwan, A., Siti Aisyah Afifah, A., Nur Layali, M. A., & Nurfarahin, H. (2021). Initial Review of Labour Migration in Malaysia. *Labour Market Review, Fourth Quarter 2020*, pp. 24-33.
- Narayanan, S. & Lai, Y. W. (2005). The causes and consequences of immigrant labour in the construction sector in Malaysia. *International Migration*, 43(5), 31-57.
- Oseghale, B. O., Abiola-Falemu, J. O., & Oseghale, G. E. (2015). An Evaluation of Skilled Labour shortage in selected construction firms in Edo state, Nigeria. *American Journal of Engineering Research*, 4(1), 156-167.
- Othman, A. (2014). A conceptual model for overcoming the challenges of mega construction projects in developing countries. *African Journal of Engineering Research*, 2(4), 73-84.
- Pertusini, G. (2021). RICS: Is there a labour crisis in the construction industry? Retrieved from RICS. <https://ww3.rics.org/uk/en/modus/built-environment/construction/is-there-a-labour-crisis-in-the-construction-industry-.html>
- Reuters. (2021). Reuters: Japan looks to accept more foreigners in key policy shifts. Retrieved from Reuters: <https://www.reuters.com/world/china/major-shift-japan-looking-accept-more-foreigners-indefinitely-2021-11-18/>
- Ward, P. A. (1979). Organisation and procedures in the construction industry. Great Britain, Macdonald and Evans.
- Windapo, A. O. (2016). Skilled labour supply in the South African construction industry: The nexus between certification, quality of work output and shortages. *SA Journal of Human Resource Management*, 14(1), 1-8.
- Zunaira, S. (2016). Malaysia’s skilled labour shortage. Retrieved from The Star. <https://www.the-star.com.my/business/business-news/2016/11/26/malaysias-skilled-labour-shortage/>

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

**JADUAL STATISTIK ST2**  
**2022**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2019 - ST2 2022

1. Profil Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

| Indikator                     | Unit | 2019 |      | 2020 |      |      |      | 2021             |      |                  |      | 2022 |      |
|-------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------------------|------|------------------|------|------|------|
|                               |      | ST3  | ST4  | ST1  | ST2  | ST3  | ST4  | ST1 <sup>r</sup> | ST2  | ST3 <sup>r</sup> | ST4  | ST1  | ST2  |
| Kadar penyertaan tenaga buruh | (%)  | 68.9 | 69.1 | 68.8 | 68.1 | 68.4 | 68.5 | 68.6             | 68.3 | 68.3             | 68.7 | 69.0 | 69.2 |
| Jantina                       |      |      |      |      |      |      |      |                  |      |                  |      |      |      |
| Lelaki                        | (%)  | 80.9 | 81.1 | 80.8 | 80.2 | 80.5 | 80.7 | 80.9             | 80.8 | 80.9             | 81.0 | 81.5 | 81.8 |
| Perempuan                     | (%)  | 56.0 | 56.1 | 55.8 | 55.0 | 55.3 | 55.3 | 55.4             | 55.0 | 55.0             | 55.4 | 55.6 | 55.8 |
| Kumpulan umur                 |      |      |      |      |      |      |      |                  |      |                  |      |      |      |
| 15-24                         | (%)  | 46.0 | 45.9 | 43.3 | 42.8 | 41.8 | 42.4 | 43.2             | 42.8 | 42.6             | 43.6 | 45.2 | 45.4 |
| 25-34                         | (%)  | 84.4 | 86.7 | 86.0 | 84.8 | 84.5 | 85.5 | 83.9             | 85.3 | 83.7             | 87.4 | 87.4 | 87.9 |
| 35-44                         | (%)  | 84.0 | 83.0 | 83.5 | 82.8 | 83.1 | 83.0 | 86.1             | 84.1 | 85.9             | 86.6 | 84.6 | 84.6 |
| 45-54                         | (%)  | 77.1 | 76.9 | 76.7 | 76.9 | 78.3 | 77.1 | 76.3             | 77.0 | 76.8             | 74.4 | 75.2 | 75.5 |
| 55-64                         | (%)  | 48.9 | 46.9 | 51.4 | 50.2 | 53.6 | 51.8 | 49.9             | 48.6 | 48.4             | 43.1 | 44.0 | 44.2 |
| Jantina dan Kumpulan umur     |      |      |      |      |      |      |      |                  |      |                  |      |      |      |
| Lelaki                        | (%)  | 80.9 | 81.1 | 80.8 | 80.2 | 80.5 | 80.7 | 80.9             | 80.8 | 80.9             | 81.0 | 81.5 | 81.8 |
| 15-24                         | (%)  | 54.4 | 52.9 | 49.9 | 49.0 | 49.9 | 50.7 | 52.1             | 48.5 | 51.8             | 56.5 | 57.9 | 56.7 |
| 25-34                         | (%)  | 94.2 | 96.8 | 95.5 | 95.6 | 94.9 | 95.6 | 92.4             | 93.8 | 93.5             | 92.8 | 93.5 | 95.8 |
| 35-44                         | (%)  | 97.6 | 97.9 | 97.5 | 97.1 | 97.3 | 97.7 | 97.4             | 97.1 | 97.3             | 96.5 | 97.3 | 95.3 |
| 45-54                         | (%)  | 93.9 | 94.8 | 94.7 | 94.9 | 95.2 | 92.4 | 95.4             | 95.6 | 94.4             | 96.6 | 95.0 | 95.3 |
| 55-64                         | (%)  | 66.0 | 63.3 | 71.4 | 67.8 | 69.3 | 69.4 | 72.7             | 76.9 | 70.7             | 62.4 | 61.5 | 64.2 |
| Perempuan                     | (%)  | 56.0 | 56.1 | 55.8 | 55.0 | 55.3 | 55.3 | 55.4             | 55.0 | 55.0             | 55.4 | 55.6 | 55.8 |
| 15-24                         | (%)  | 36.8 | 38.3 | 36.0 | 35.9 | 33.1 | 33.4 | 33.3             | 36.4 | 32.4             | 29.4 | 31.2 | 33.0 |
| 25-34                         | (%)  | 73.6 | 75.6 | 75.4 | 72.6 | 72.8 | 74.1 | 74.4             | 75.6 | 72.8             | 81.3 | 80.6 | 79.1 |
| 35-44                         | (%)  | 69.4 | 67.1 | 68.4 | 67.3 | 67.4 | 67.2 | 74.0             | 70.5 | 73.8             | 75.9 | 71.2 | 73.2 |
| 45-54                         | (%)  | 60.1 | 58.7 | 58.5 | 58.8 | 61.1 | 61.7 | 57.3             | 59.2 | 59.3             | 52.0 | 55.3 | 55.6 |
| 55-64                         | (%)  | 31.5 | 30.2 | 31.0 | 32.2 | 37.3 | 33.2 | 27.0             | 21.7 | 27.3             | 23.6 | 26.5 | 24.2 |
| Kumpulan etnik                |      |      |      |      |      |      |      |                  |      |                  |      |      |      |
| Warganegara                   | (%)  | 67.6 | 66.4 | 66.7 | 65.8 | 66.1 | 67.0 | 67.2             | 66.6 | 66.6             | 67.3 | 67.6 | 67.8 |
| Bumiputera                    | (%)  | 65.7 | 65.6 | 65.3 | 64.1 | 64.4 | 65.2 | 64.9             | 65.8 | 66.0             | 65.7 | 65.9 | 66.1 |
| Cina                          | (%)  | 73.2 | 69.1 | 70.5 | 70.4 | 71.4 | 71.3 | 72.3             | 69.6 | 68.7             | 71.2 | 72.5 | 73.0 |
| India                         | (%)  | 67.1 | 65.5 | 67.0 | 67.2 | 66.0 | 70.8 | 71.8             | 63.5 | 66.4             | 69.1 | 67.7 | 65.9 |
| Lain-lain                     | (%)  | 67.5 | 68.5 | 69.5 | 62.2 | 61.7 | 66.7 | 65.5             | 90.2 | 67.2             | 68.3 | 68.9 | 77.4 |
| Bukan warganegara             | (%)  | 77.9 | 88.2 | 84.2 | 84.7 | 84.9 | 79.3 | 79.1             | 80.2 | 80.6             | 79.0 | 79.5 | 80.4 |
| Pencapaian pendidikan         |      |      |      |      |      |      |      |                  |      |                  |      |      |      |
| Tiada pendidikan rasmi        | (%)  | 59.7 | 63.4 | 63.7 | 61.7 | 58.7 | 55.9 | 58.7             | 62.3 | 61.2             | 63.4 | 62.7 | 67.4 |
| Rendah                        | (%)  | 69.7 | 72.4 | 71.8 | 70.0 | 70.7 | 69.9 | 69.1             | 67.2 | 66.2             | 68.4 | 66.9 | 68.6 |
| Menengah                      | (%)  | 68.2 | 68.4 | 67.6 | 67.1 | 66.9 | 63.6 | 64.8             | 66.2 | 67.0             | 67.1 | 67.0 | 66.8 |
| Tertiari                      | (%)  | 70.8 | 69.7 | 70.5 | 70.0 | 71.4 | 79.0 | 77.3             | 73.3 | 72.4             | 72.4 | 74.4 | 74.6 |

Nota: r = Disemak  
Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST2 2022, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2019 - ST2 2022

2. Profil Tenaga Buruh

| Indikator                 | Unit   | 2019     |          | 2020     |          |          |          | 2021     |          |          |          | 2022     |          |
|---------------------------|--------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|
|                           |        | ST3      | ST4      | ST1      | ST2      | ST3      | ST4      | ST1'     | ST2'     | ST3'     | ST4      | ST1      | ST2      |
| Tenaga buruh              | ('000) | 15,674.3 | 15,766.7 | 15,790.1 | 15,675.5 | 15,840.6 | 15,922.3 | 16,008.4 | 15,972.2 | 16,021.0 | 16,135.0 | 16,246.1 | 16,343.3 |
| Jantina                   |        |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |
| Lelaki                    | ('000) | 9,529.1  | 9,589.2  | 9,625.5  | 9,583.0  | 9,689.3  | 9,738.4  | 9,778.9  | 9,729.1  | 9,772.6  | 9,858.4  | 9,929.2  | 9,979.6  |
| Perempuan                 | ('000) | 6,145.2  | 6,177.5  | 6,164.6  | 6,092.5  | 6,151.3  | 6,183.9  | 6,229.5  | 6,243.1  | 6,248.4  | 6,276.6  | 6,316.9  | 6,363.7  |
| Kumpulan umur             |        |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |
| 15-24                     | ('000) | 2,825.9  | 2,820.2  | 2,648.9  | 2,622.2  | 2,566.6  | 2,588.6  | 2,624.6  | 2,580.2  | 2,595.9  | 2,685.1  | 2,737.8  | 2,767.4  |
| 25-34                     | ('000) | 5,224.6  | 5,408.7  | 5,383.1  | 5,321.2  | 5,297.7  | 5,426.0  | 5,304.7  | 5,331.1  | 5,333.5  | 5,564.5  | 5,555.4  | 5,590.8  |
| 35-44                     | ('000) | 3,724.5  | 3,688.7  | 3,785.7  | 3,765.6  | 3,819.4  | 3,832.0  | 4,061.6  | 3,929.6  | 4,078.3  | 4,104.1  | 4,089.3  | 4,095.1  |
| 45-54                     | ('000) | 2,640.3  | 2,641.3  | 2,624.7  | 2,643.6  | 2,711.4  | 2,676.1  | 2,664.4  | 2,707.1  | 2,690.6  | 2,608.5  | 2,637.7  | 2,657.5  |
